



# PARLIMEN MALAYSIA

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN  
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK  
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN  
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

**SELASA: 8 JULAI 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5, 10, 13 HINGGA 95)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4  
6 HINGGA 9 DAN 11, 12  
SOALAN NO. 85 JAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO. 2  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID**  
**SHIRLIN**  
**[PAPAR]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan pencapaian Bahagian Susun Semula Masyarakat (BSSM) yang telah ditubuhkan pada Julai 2004 dan langkah-langkah yang telah diambil olehnya dalam membantu sosio-ekonomi masyarakat Bumiputera.

**JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Bahagian Susun Semula Masyarakat (BSSM) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2004 di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Peranan bahagian tersebut adalah seperti berikut:**

- i. Memastikan pelaksanaan dasar dan strategi kerajaan berkaitan penyertaan Bumiputera selaras dengan Dasar Wawasan Negara (DWN);**
- ii. Memantau dan menilai program dan dasar-dasar yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera;**
- iii. Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dan rintangan dalam pelaksanaan program/projek yang menjejaskan objektif dasar pengagihan negara untuk program pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB);**
- iv. Mengkaji semua sistem dan mekanisme pelaksanaan program/projek bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya dan mempercepat pencapaian sasaran dasar pengagihan negara;**

- v. Memantau dan menilai *outcome* dan impak pelaksanaan program/projek pembangunan ke atas objektif pengagihan kekayaan negara;
- vi. Memantau dan menilai penglibatan Bumiputera dalam sektor-sektor strategik;
- vii. Menentukan *instrumen* atau peranan seperti *Industrial Coordination Act (ICA)*, *Foreign Investment Committee (FIC)*, penswastaaan, agensi amanah dan saham amanah masih relevan dalam membantu meningkatkan prestasi ekonomi Bumiputera;
- viii. Memantau dan menilai peranan kementerian, agensi, GLCs, badan berkanun, kerajaan negeri dan pelbagai pihak yang terlibat dalam pelaksanaan dasar pengagihan negara;
- ix. Mewujudkan satu sistem pemantauan pencapaian Bumiputera yang berpusat

**berasaskan pangkalan data atau sistem pemantauan prestasi Bumiputera.**

**Bahagian Susun Semula Masyarakat telah membangunkan pangkalan data secara berpusat yang dinamakan Sistem Maklumat Pemantauan Prestasi Bumiputera (eSPPB). Sistem ini mengandungi modul-modul utama seperti pemilikan hartanah, pemilikan tanah, syarikat dan perniagaan bumiputera, gunatenaga, pemilikan ekuiti dan juga kontrak kerajaan.**

**Tindakan-tindakan lain yang telah diambil oleh bahagian ini ialah:**

- 1. Memantau projek-projek berkepentingan Bumiputera dalam RMK-9 secara berkala.**
- 2. Bersama-sama dengan beberapa kementerian dan agensi telah merangka dan mengambil langkah intervensi mengenai dasar dan isu-isu berkaitan Bumiputera.**

- 3. BSSM juga terlibat dalam menyelaras dan memantau penglibatan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Tindakan yang telah diambil ialah mewujudkan mekanisme Penyelarasan Pemantauan Penyertaan Bumiputera Sabah dan Sarawak melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penyertaan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini bertujuan menyelaras dan memantau serta memantapkan usaha-usaha pembangunan masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam ekonomi. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program di Sabah dan Sarawak seperti pembangunan keusahawanan dan peluang perniagaan, pelaksanaan program kemiskinan, pembangunan pendidikan dan penyediaan kemudahan infrastruktur.**

**4. Bahagian ini juga telah mewujudkan dan mengemaskini inventori dasar berkaitan penyertaan bumiputera. Inventori dasar ini mengandungi maklumat berkaitan dasar, garis panduan, program dan projek serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam agenda bumiputera bagi tujuan pemantauan.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL  
RAHMAN [ PENGKALAN CHEPA ]

**TARIKH** : 8 JULAI 2008

**SOALAN :**

Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah pulau-pulau yang ada dalam perairan Malaysia yang belum diwartakan sebagai kepunyaan negara ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, Artikel 1 *Perlembagaan Persekutuan* memperuntukkan mengenai wilayah-wilayah Malaysia. Dalam hal ini, suatu peta baru telah diwartakan oleh Malaysia pada tahun 1979 melalui *Pemberitahuan Warta (No. 26 Tambahan No. 1, No. 5745)* yang terdiri daripada dua Syit, iaitu Syit 1 (Semenanjung Malaysia) dan Syit 2 (Sabah dan Sarawak).

Peta Baru 1979 tersebut diwartakan bagi tujuan mengisytiharkan tuntutan Malaysia berkenaan dengan perairan wilayah dan sempadan pelantar benua Malaysia. Ini bererti semua kawasan maritim, pulau-pulau termasuklah "feature" maritim lain yang terletak dalam perairan wilayah Malaysia dan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta Baru 1979 adalah merupakan sebahagian daripada wilayah Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG**  
**(KAMPAR)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)** minta Menteri Pelajaran menyatakan skop kerja dan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan pelbagai aliran "Mini Blue Print" yang dirangka di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) seperti diumumkan oleh Menteri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Pada masa ini KPM sedang menyediakan *mini blueprint* bagi membangunkan sekolah bantuan kerajaan. Sebagai langkah permulaan, KPM telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan mengenai pelan tindakan yang telah dirancang untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut.

KPM sedang memantapkan kaedah pengagihan peruntukan bantuan modal ke sekolah bantuan kerajaan supaya sekolah-sekolah tersebut akan terus memperoleh pendidikan berkualiti setanding dengan sekolah-sekolah kerajaan. Selain itu, KPM juga sedang mengkaji kaedah yang terbaik dan paling sesuai

untuk menukarkan status sekolah bantuan kerajaan ke sekolah kerajaan secara *case by case*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 April 2008 telah bersetuju supaya peruntukan yang sewajarnya diberikan kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang mana tumpuan utama akan diberikan bagi menambahbaik, menyelenggara dan menyediakan kemudahan asas sekolah. Selain peruntukan daripada KPM, sekolah bantuan kerajaan juga menerima bantuan-bantuan kewangan dari pihak lain seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, dan Badan Bukan Kerajaan.

Rjm 67

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN FAUZIAH BINTI SALLEH**  
**(KUANTAN)**  
**TARIKH** : **8 JULAI 2008**  
**SOALAN** :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan :

- (a) bilangan, lokasi projek ekonomi yang dilaksanakan di kalangan Orang Asli (Pahang);  
dan
- (b) bilangan Orang Asli (Malaysia) yang diberikan geran tanah untuk tapak perumahan/pertanian.

**JAWAPAN:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam pelaksanaan RMK9 sehingga kini kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM900,000.00 bagi melaksanakan projek-projek ekonomi bagi Negeri Pahang. Sebanyak 38 projek-projek ekonomi telah dilaksanakan di negeri Pahang merangkumi kawasan Jerantut, Pekan, Bera, Rompin, Cameron Highland, Bentong, Lipis dan Maran. Antara projek-projek ekonomi yang diceburi ialah ternakan lembu integrasi, perniagaan kedai runcit, kraf tangan, pengangkutan bot, ternakan ikan berkelompok, tanaman kontan, gerai makanan, bengkel motosikal dan tapak semaian.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan Orang Asli (Malaysia) yang diberikan geran tanah untuk tapak perumahan/ pertanian berjumlah 1,716 orang yang melibatkan tanah seluas 1,335.5 hektar. Jumlah ini merangkumi hak milik tanah untuk tapak perumahan seluas 79.08 hektar melibatkan seramai 939 orang. Manakala jumlah bagi hak milik tanah untuk tapak pertanian adalah seluas 1,256.32 hektar yang melibatkan seramai 777 orang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI**  
**(SABAK BERNAM)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah keutamaan yang diberikan dalam menyediakan Dewan Serbaguna bagi sekolah bantuan khususnya kawasan luar bandar, seperti SMK Munshi Abdulah Sabak Bernam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan sekolah-sekolah disediakan kemudahan yang sempurna bagi aktiviti kurikulum dan kokurikulum termasuk dewan sekolah. Namun begitu, memandangkan kos bagi penyediaan kemudahan tersebut adalah tinggi, KPM menyediakan dewan sekolah mengikut kelompok sekolah supaya kemudahan ini dikongsi penggunaannya oleh beberapa sekolah yang berhampiran.

Pembinaan dewan sekolah di SMK Munshi Abdulah, Sabak Bernam tidak termasuk dalam perancangan RMKe-9 KPM. Sekiranya keperluan tersebut mendesak, perancangan pembinaan dewan di sekolah ini akan dimasukkan dalam RMKe-10. Namun begitu, pelaksanaan sebarang projek pembangunan adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan mengikut keperluan dan keutamaan KPM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]  
TARIKH : 8 JULAI 2008  
SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor asing yang berkhidmat di Malaysia mengikut tahun dari 2005 hingga kini. Apakah syarat yang dikehendaki oleh doktor asing tersebut dan prosedur untuk pengambilannya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan doktor asing yang berkhidmat di Malaysia dari tahun 2005 sehingga 11 Jun 2008 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2005	455
2006	585
2007	477
2008 (sehingga 11 Jun 2008)	480

Bilangan pegawai perubatan bukan warganegara ini semakin berkurangan berikutan dasar kerajaan yang melantik semula pegawai perubatan warganegara selepas bersara wajib. Walau bagaimanapun, keperluan untuk melantik pegawai perubatan bukan warganegara masih lagi diperlukan namun ia hanya terbuka kepada bidang-bidang kritikal sahaja selagi syarat-syarat untuk dilantik dipenuhi.

Untuk dilantik sebagai pegawai perubatan kontrak bukan warganegara di Kementerian Kesihatan, seseorang itu hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. berusia di antara 27-50 tahun ;
- ii. sihat tubuh badan ;
- iii. mempunyai ijazah perubatan yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) ; dan
- iv. mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai pegawai perubatan.

Menurut prosedur, pegawai perubatan yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi daripada laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ataupun Kementerian Kesihatan.

**LAMPIRAN P**

**SOALAN 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
[BATANG SADONG]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

adakah Kementerian telah mengenal pasti aktiviti atau nilai keunikan di setiap negeri sebagai produk pelancongan bagi mempromosi industri pelancongan Malaysia.

**JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,**

Dalam usaha mempromosi Malaysia samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa, sememangnya Kementerian Pelancongan melalui agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengenalpasti produk-produk yang sesuai dan berpotensi yang boleh dipromosikan bagi menggalakkan dan memajukan industri pelancongan negara.

Produk-produk tersebut ialah;

- i) Produk-produk pelancongan berasaskan alam semulajadi seperti pantai, pulau, gunung dan hutan;
- ii) Tarikan kebudayaan, adat resam, cara hidup, makanan tradisional dan kraftangan sesuatu kaum atau masyarakat di Malaysia;
- iii) Tempat-tempat tinggalan sejarah yang terdapat di seluruh Malaysia;

- iv) Acara-acara pelancongan yang dianjurkan seperti Citrawarna, Pesta Flora, Rainforest Muzik Festival, Karnival Beli-Belah dan sebagainya.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai produk-produk pelancongan yang unik dan tersendiri yang boleh diketengahkan kepada pelancong. Seseengah negeri terkenal dengan keindahan pantai dan pulau-pulau yang cantik seperti Terengganu, manakala Negeri Melaka terkenal dengan nilai sejarah serta kepelbagaian kebudayaan yang mampu menarik pelancong ke tempat mereka.

Oleh yang demikian, Kementerian Pelancongan sentiasa berusaha mengenalpasti produk-produk pelancongan baru serta mempromosikan keunikan tarikan pelancongan tersebut mengikut sasaran pasaran yang telah dikenalpasti melalui Kajian Pemergian Pelawat (*DVS-Departing Visitor Survey*) yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan, Tourism Malaysia.

Melalui kajian ini, Kementerian dapat mengenalpasti destinasi-destinasi pelancongan pilihan yang sering dikunjungi oleh para pelancong, aktiviti-aktiviti yang digemari oleh para pelancong dan lain-lain lagi.

Kementerian berharap dengan usaha sebegini, usaha pembangunan terhadap produk-produk pelancongan tersebut dapat dipertingkatkan lagi. Selain itu, ianya juga dapat memberi lebih pilihan kepada pelancong yang datang ke Malaysia dan mampu menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dengan kepelbagaian produk-produk pelancongan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
( KANOWIT )  
**TARIKH** : 8 JULAI 2008  
**SOALAN** :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan Kementerian semenjak tahun 2004 kepada kawasan Parlimen Kanowit untuk pembangunan kemudahan asas seperti jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar (JALB, BELB, BALB) yang sudah dilaksanakan dan yang sudah lulus dan akan dibangunkan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan parlimen yang lain.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-8, terdapat sebanyak 24 projek Jalan Luar Bandar (JALB) negeri Sarawak yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 91.90 km dan tiga (3) unit jambatan telah berjaya dilaksanakan dengan nilai kontrak berjumlah RM70.24 juta. Tiada pelaksanaan projek JALB bagi Daerah Kanowit dibawah RMKe-8. Di bawah RMKe-9 terdapat satu (1) projek JALB yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 4.0 km dan bernilai RM6.5 juta akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Kanowit iaitu Jalan SK Ulu Pedanum, Kanowit, Sarawak.

Bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), sebanyak RM427.56 juta telah diperuntukkan bagi negeri Sarawak di bawah RMKe-9. Bagi Parlimen Kanowit, semenjak tahun 2004 sebanyak tiga (3) projek BELB telah dilaksanakan melibatkan peruntukan berjumlah RM4.68 juta. Projek tersebut telah memberi manfaat kepada 339 buah rumah penduduk di Kanowit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2008, Kementerian menjangkakan akan melaksanakan projek BELB di lima (5) buah kampung di Parlimen Kanowit melibatkan 203 buah rumah. Projek tersebut dianggar melibatkan peruntukan berjumlah RM1.8 juta dan sedang dimuktamadkan oleh Kementerian.

Bagi Parlimen Kanowit, pada tahun 2004, satu (1) projek BALB Sistem Retikulasi dengan kos RM410,945.08 telah dilaksanakan.

Manakala bagi BALB pula, di bawah RMKe-9, sejumlah RM347.0 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BALB di seluruh negeri Sarawak. Pelaksanaan projek BALB tersebut adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**RUJUKAN : 1107**

**SOALAN:**

**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah penyelesaian untuk menjadi warganegara bagi pemegang "Kad Pengenalan Merah" yang telah menetap di Sabah melebihi 30 tahun.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang kad pengenalan pemastautin tetap masih memegang taraf kerakyatan negara asal mereka. Jika sekiranya mereka berhasrat untuk menjadi rakyat negara ini, maka mereka hendaklah mengemukakan permohonannya di Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran. Bagi pihak kerajaan permohonan tersebut akan tetap diproses dan keputusannya akan dikeluarkan kepada pemohon setelah semua urusan pertimbangan telah diselesaikan. Kementerian ini tidak perlu mengambil tindakan khusus bagi menyelesaikan permohonan kewarganegaraan daripada pemastautin tetap di Sabah kerana bilangan permohonan yang diterima dalam bilangan yang kecil.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG**  
**(BUKIT MERTAJAM)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)** minta Menteri Pelajaran menyatakan program yang direka untuk pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran. Apakah usaha untuk memastikan pelajar-pelajar ini tidak tercicir dan juga mempunyai masa depan yang cerah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat peka terhadap permasalahan murid-murid yang lemah dalam bidang akademik dan telah merangka pelbagai program bagi murid-murid ini. Di antara program-program yang disediakan KPM adalah seperti Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis atau **KIA2M**, **Program Pemulihan Khas**, Program 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) atau **PROTIM** dan Program Bimbingan Sekolah Menengah 2M (Membaca dan Menulis ) atau **PROBIM**.

Selain program intervensi untuk mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas, KPM juga memperkenalkan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah menengah akademik secara berperingkat bermula tahun 2002. Sebanyak 22 mata pelajaran vokasional ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah atas (Tingkatan 4 & 5). Penawaran MPV memberi peluang

kepada murid yang cenderung kepada kemahiran ketukangan dan vokasional memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat masing-masing. Murid yang melalui program ini akan dibekalkan dengan kemahiran untuk mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat lebih tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM juga telah menyediakan **Aliran Kemahiran bagi murid-murid lepasan PMR** khusus untuk menangani masalah keciciran. Murid-murid ini hanya difokuskan kepada asas kemahiran dan setelah memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, mereka berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di institusi kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, dan seumpamanya. KPM juga dalam perancangan mewujudkan **Aliran Asas Kemahiran bagi murid lepasan UPSR** yang kurang cemerlang dalam akademik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN :

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH  
KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MENAIKTARAF  
JALAN PERSEKUTUAN 'PAN BORNEO' DARI  
KUCHING HINGGA KE LAWAS DAN TERUS KE

KOTA KINABALU AKAN DINAIK TARAF KEPADA  
LEBUHRAYA DUA LORONG BERKEMBAR (*DUAL  
CARRIAGEWAY*) BESERTA DENGAN MEMBINA  
TEMPAT RAWAT DAN REHAT DI SEPANJANG  
JALAN TERSEBUT ITU NANTI.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, JALAN RAYA PAN-BORNEO (ATAU *PAN-BORNEO HIGHWAY*) MELIPUTI *FIRST TRUNK ROAD* SARAWAK DARI SEMATAN KE MIRI SEJAUH 928KM DAN SETERUSNYA DARI MIRI KE SINDUMIN DI SEMPADAN SABAH – SARAWAK SEJAUH 152.4KM. JALANRAYA PAN BORNEO DI SARAWAK DITURAP SEPENUHNYA.**

**DI SABAH PULA, JALAN PAN BORNEO MENGELILINGI NEGERI SABAH BERMULA DARI SEMPADAN SABAH/SARAWAK KE KOTA KINABALU DAN KUDAT DAN KOTA KINABALU – SANDAKAN – LAHAD DATU – TAWAU – MEROTAI – KALABAKAN – SEPULUT – KENINGAU – KIMANIS DENGAN JUMLAH PANJANG 1008 KM**

TELAH PUN SIAP DIBINA.  
WALAU BAGAIMANAPUN, BAHAGIAN DARI  
SEPULUT – KALABAKAN BELUM BERTURAP DAN  
BAHAGIAN DARI KALABAKAN – SERUDONG  
BELUM DIBINA.

BUAT MASA INI SEBAHAGIAN BESAR  
JALANRAYA INI MASIH LAGI 'SINGLE CARRIAGE  
WAY' (SATU LORONG SEHALA). TETAPI  
BEBERAPA BAHAGIAN JALANRAYA INI DI  
SARAWAK TELAH DINAIKTARAF KEPADA 'DUAL  
CARRIAGE WAY' (2 LORONG SEHALA) SEPERTI  
BERIKUT:-

1) JALAN KUCHING – SERIAN DARI KM 26 – KM  
60 KM

JALAN INI TELAHPUN DINAIKTARAF KE  
TAHAP JALAN BERKEMBAR 4 LORONG  
(DUAL CARRIAGEWAY R5) SEJAUH 34KM  
PADA TAHUN 2005.

II) JALAN SIBU – BINTULU

NAIKTARAF JALAN DARI SIMPANG  
LAPANGAN TERBANG BINTULU KE  
SIMPANG JALAN MIRI/BINTULU  
SEPANJANG 14 KM DAN TELAH DISIAPKAN  
PADA TAHUN 2005.

III) JALAN MIRI – BINTULU

DARI SIMPANG LAPANGAN TERBANG MIRI  
KE BULATAN PUCHONG MIRI SEPANJANG  
6.7 KM DAN TELAH DISIAPKAN PADA  
TAHUN 2006.

IV) JALAN MIRI/PUJUT DAN JALAN  
PUJUT/LUTONG

JALAN INI BERMULA DARI BULATAN PUCHONG, MIRI MELALUI PUJUT-LUTONG KE SG. MIRI DENGAN JARAK 10 KM. IA DIBINA MENGIKUT PIAWAI JALAN BERKEMBAR JKR R5 (DUAL CARRIAGEWAY R5).

V) JALAN LUTONG/KUALA BARAM

JALAN INI TELAHPUN DINAIKTARAF KE TAHAP JALAN BERKEMBAR 4 LORONG (DUAL CARRIAGEWAY R5) SEJAUH 15KM PADA TAHUN 2005.

## **VI) JALAN LUTONG/SEMPADAN BRUNEI**

**PANJANG JALAN INI DARI KUALA BARAM KE SG. TUJOH IALAH 10 KM TERMASUK JAMBATAN "ASEAN" YANG MERENTASI BATANG BARAM TELAH SIAP PADA TAHUN 2003.**

**SELAIN DARI PROJEK-PROJEK YANG TELAH DISIAPKAN DALAM RMKe-8, 2 PROJEK NAIKTARAF JALAN DIBAWAH RMKe-9 JUGA SEDANG DILAKSANAKAN IAITU ;**

- I) NAIKTARAF JALAN KUCHING / SIBU DARI SIMPANG JALAN JULAU KE PERSIMPANGAN LAPANGAN TERBANG SIBU SEPANJANG 30 KM.**

II) NAIKTARAF JALAN SIBU / BINTULU DARI  
KM 18 KE KM 30, SIBU SEPANJANG 12 KM.  
(PERINGKAT REKABENTUK)

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,  
JALAN 'DUAL CARRIAGE WAY' BOLEH  
MENAMPUNG VOLUME TRAFIK SEBANYAK 40  
RIBU KENDERAAN DAN PEMBINAAN JALAN  
'DUAL CARRIAGE WAY' MEMERLUKAN KOS  
YANG TINGGI. KERAJAAN PADA MASA INI  
MEMBERI KEUTAMAAN UNTUK PROJEK-PROJEK  
PEMBANGUNAN YANG LAIN TERUTAMA DI  
KAWASAN PEDALAMAN SABAH DAN SARAWAK  
YANG LEBIH MEMERLUKAN KEMUDAHAN ASAS  
SEPERTI JALANRAYA.

KERAJAAN SEDAR AKAN KEPERLUAN  
KAWASAN PERHENTIAN REHAT DAN RAWAT

(R&R) DI SEPANJANG JALAN PAN BORNEO INI. PADA MASA INI, TERDAPAT BEBERAPA R&R YANG TELAH DIBINA DAN BEROPERASI DI SEPANJANG LALUAN TERSEBUT SEPERTI DI PERSIMPANGAN ULU LAYAR, SEBANGKOI, SERIAN, BALAI RINGIN DAN LACHAU. WALAU BAGAIMANAPUN R&R INI ADALAH DIBINA OLEH PIHAK KERAJAAN NEGERI ATAU PIHAK SWASTA.

SEHUBUNGAN ITU, UNTUK MENINGKATKAN LAGI MUTU PERKHIDMATAN, KESELESAAN DAN KESELAMATAN PENGGUNA JALAN RAYA PAN BORNEO INI, KEMENTERIAN SEDANG MENJALANKAN KAJIAN PENYEDIAAN PELAN INDUK PERHENTIAN REHAT DAN RAWAT (R&R) JALAN PAN BORNEO YANG DIJANGKA AKAN SIAP PADA PENGHUJUNG TAHUN 2008. PEMBINAAN R&R BARU DI JALAN PAN BORNEO INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA KESESUAIAN

**LOKASI BERDASARKAN HASIL KAJIAN YANG  
SEDANG DIJALANKAN INI.**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. DATO' HAJI BAHARUM MOHAMED  
(SEKIJANG)  
**TARIKH** : 8 JULAI 2008  
**SOALAN** :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sejauh mana pemilihan peserta FELCRA dibuat dengan teliti dan apakah kriteria yang digunakan dan kenapa Ahli Parlimen yang mewakili Kerajaan Persekutuan tidak pernah dipanggil untuk berbincang di dalam mengenalpasti peserta - peserta yang berkelayakan.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang Dipertua,

Semua proses pemilihan peserta dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemilihan Peserta peringkat Negeri atau Daerah dan pewartaan senarai calon yang berjaya hanya diluluskan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) negeri-negeri yang berkenaan.

Pemilihan peserta dibuat melalui proses temuduga oleh Jawatankuasa Pemilihan Peserta Negeri yang dipengerusikan oleh wakil Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan dianggotai oleh Pegawai Daerah, ADUN, Ketua Kampung /Penghulu berkenaan serta FELCRA Berhad selaku setiausaha.

Kriteria pemilihan peserta antara lain memberikan keutamaan kepada ibu-ibu tunggal, mempunyai tanah tidak melebihi 1 ekar, mempunyai tanggungan melebihi 5 orang dan berupaya untuk bekerja di ladang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**  
**[ BALIK PULAU ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1108**

**SOALAN:**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat langkah-langkah konkrit untuk menjaga kebajikan anggota polis dan tentera, bagi memastikan kebajikan keluarga terpelihara, mengambil kira kebajikan sewaktu dan selepas persaraan, pendidikan anak-anak anggota polis dan langkah-langkah jaminan bagi mengelakkan polis dan tentera terlibat di dalam sebarang gejala rasuah.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang mengemukakan pertanyaan.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan bekas polis termasuk keluarga dan pendidikan anak-anak mereka selepas persaraan.
2. Penubuhan Bahagian Hal Ehwal Bekas Polis, Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2003 merupakan satu komitmen Kerajaan dalam mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu dari segi kebajikan bekas polis dan pesara PDRM bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup mereka melalui program-program seperti:-

(i) Program Kebajikan

Pada 8 Ogos 2001 Kerajaan telah meluluskan pemberian sumbangan sagu hati khas sejumlah RM 1,000.00 kepada bekas-bekas polis yang berkhidmat semasa darurat di Semenanjung mulai tahun 1948 hingga 1962. Kerajaan telah melaksanakan pembayaran sejumlah RM 66.608 juta kepada 66,608 bekas polis dan balu.

Pada 4 Ogos 2004 Kerajaan telah juga meluluskan sejumlah RM 5.5 juta untuk sumbangan sagu hati khas kepada bekas-bekas polis yang berkhidmat semasa darurat di Sarawak dan Sabah mulai tahun 1962 hingga 1974. Seramai 5,500 bekas polis dan balu menikmati sagu hati khas ini.

Selain daripada sumbangan sagu hati ini, Kementerian memberi bantuan kewangan kepada bekas-bekas polis dan tanggungan mereka melalui Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) untuk tujuan seperti bantuan khairat kematian, peralatan pergerakan, perubatan/peralatan palsu, pendidikan anak-anak dan bencana alam.

Pada tahun 2006 sejumlah 5,146 permohonan bantuan kebajikan TAWP diterima, melibatkan pembayaran bantuan RM 4,967,703.15 dan tahun 2007 sebanyak 10,522 permohonan diterima melibatkan pembayaran sejumlah RM 9,369,549.00.

Selain dari itu, Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara juga diwujudkan pada 5/10/1984 hasil dari percantuman Tabung Amanah Kebajikan Perwira Negara dan Tabung Pertahanan Negara, ianya diwartakan mengikut Akta Parlimen 305 pada 28/06/1984. Sumber pendapatan tabung ini adalah dari sumbangan derma

yang diterima dan pelaburan yang telah dibuat. Jenis bantuan adalah seperti pampasan kematian, kecederaan parah dan ringan serta pemberian alat ortopedik.

Jabatan Perkhidmatan Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2001) memberi kemudahan perubatan kepada anggota polis, pesara dan keluarga termasuk ibu bapa yang sah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam pekeliling tersebut. Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- Perbelanjaan perkhidmatan perubatan
- Perbelanjaan rawatan Hemodialisis.
- Perbelanjaan rawatan kemandulan di LPPKN.
- Perbelanjaan rawatan kecemasan di hospital/klinik swasta.
- Perbelanjaan rawatan kepakaran di hospital swasta.
- Perbelanjaan rawatan di luar negeri
- Kemudahan rawatan di Institut Jantung Negara.

PDRM juga sedang berusaha bagi melayakkan Pegawai dan Anggota PDRM menikmati Skim Bencana Kerja Ex-Gratia dan status terkini ianya masih lagi dalam tindakan pindaan pekeliling oleh pihak Kementerian Kewangan bagi membolehkan pelaksanaan pembayaran Ex-Gratia dinikmati oleh Pegawai/ Anggota PDRM.

(ii) Program Latihan

Kerajaan juga mengadakan Kursus Peralihan Pesara Polis (KPPP) bagi bakal pesara polis mulai September 2003. Kursus ini bertujuan antara lain untuk memberi pendedahan perubahan mental kepada bakal pesara polis ke arah pembentukan sikap positif dalam menghadapi cabaran-cabaran di alam persaraan. Dalam tempoh 3 tahun (2005 hingga 2007) sejumlah 53 kursus telah dilaksanakan yang dihadiri seramai 2,160 peserta (2,080 Anggota Polis Pangkat Rendah dan 80 Pegawai Kanan).

Kementerian juga mengadakan Kursus Pengkhususan Pesara Polis sejak tahun 2005. Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran bakal-bakal pasara dalam bidang-bidang yang boleh mereka ceburi selepas bersara. Setakat ini, sebanyak 38 kursus yang dihadiri oleh seramai 1,059 Anggota Pangkat Rendah dan 150 Pegawai Kanan. Antara kursus pengkhususan yang diadakan ialah Kursus Asas Keusahawanan, Kursus pemprosesan Hasil Soya, Kursus Pemprosesan Hasil Bakeri, Kursus Asas Lanskap dan Tanaman Hiasan dan Kursus Pemprosesan Surimi.

(iii) Program Pendidikan

Kementerian juga memberi bantuan pendidikan kepada anak bekas polis sebagai satu galakan untuk mereka berusaha lebih gigih dalam pelajaran. Bantuan berbentuk wang ini di beri kepada setiap orang anak bekas polis yang belajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi. Dalam tahun 2006 dan 2007 seramai 278 anak bekas polis mendapat bantuan ini yang melibatkan sejumlah RM 174,250.00.

**Tuan Yang DiPertua,**

3. Kerajaan memang memandang serius terhadap sebarang gejala rasuah di dalam perkhidmatan awam termasuk PDRM. Untuk membanteras gejala rasuah, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti memastikan setiap pegawai dan anggota polis membuat Pengisytiharan Harta mengikut Peraturan 10 PPA 1993, mengisytiharkan moto Pasukan Polis iaitu MESRA, CEKAP DAN BETUL sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-192, pada 25 Mac 1999 dan membudayakan amalan KHIDMAT MESRA. Sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-201 pada 25 Mac 2008 telah mengisytiharkan moto Pasukan Polis baru iaitu INTEGRITI AMALAN KITA. Di samping itu tindakan tegas berterusan di ambil terhadap pegawai dan anggota yang terlibat dalam gejala rasuah.

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Chow Kon Yeow** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peratusan penganut-penganut agama di Malaysia dan nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu setiap agama di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bancian penduduk terkini yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah pada tahun 2000 dan bancian yang seterusnya akan diadakan pada tahun 2010. Pada bancian tersebut, jumlah bilangan penduduk adalah 23.3 juta. Daripada jumlah tersebut 60.4 peratus penduduk adalah penganut agama Islam. Peratus penduduk beragama Kristian pula ialah 9.1 peratus, Hindu 6.3 peratus, Buddha 19.2 peratus, Confucious/Tao, Agama tradisi lain orang Cina sebanyak 2.6 peratus, agama suku kaum / folk 0.8 peratus, lain-lain agama 0.4 peratus,

penduduk tiada agama 0.8 peratus dan tidak diketahui adalah sebanyak 0.3 peratus (sila rujuk lampiran 1).

LAMPIRAN 1

Jumlah penduduk mengikut agama dan jantina, Malaysia, 2000

AGAMA	Jumlah	Peratus (%)	Lelaki	Perempuan
<b>JUMLAH</b>	<b>23,274,690</b>	<b>100.0</b>	<b>11,853,432</b>	<b>11,421,258</b>
Islam	14,049,379	60.4	7,150,821	6,898,558
Kristian	2,126,190	9.1	1,061,094	1,065,096
Hindu	1,457,907	6.3	729,711	728,196
Buddha	4,467,497	19.2	2,271,485	2,196,012
Confucious / Tao, Agama tradisi lain orang Cina	615,076	2.6	317,633	297,443
Agama suku kaum / folk	195,828	0.8	99,117	96,711
Lain-Lain	88,429	0.4	44,904	43,525
Tiada Agama	194,369	0.8	101,437	92,932
Tidak diketahui	80,015	0.3	77,230	2,785

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : YB Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status dan rancangan yang dibuat bagi meneruskan rundingan dengan Singapura mengenai persoalan bekalan air, ruang udara, isu EPF bagi pekerja Semenanjung dan sebagainya.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini, tiada sebarang rundingan diadakan di antara Malaysia dan Singapura mengenai isu-isu tertunggak. Ini berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 12 April 2006 untuk

menghentikan semua rundingan dengan Singapura bagi memelihara kepentingan negara kerana pada masa itu, Singapura mahu Malaysia membenarkan semula penjualan pasir ke Singapura dan penggunaan ruang angkasa Malaysia oleh tentera udara Singapura, sebelum sebarang persetujuan mengenai isu-isu tertunggak yang lain dapat dipertimbangkan.

Selepas keputusan untuk menghentikan rundingan diambil, kedua-dua negara bersepakat bahawa adalah lebih memanfaatkan untuk memberi tumpuan bagi mengeratkan lagi kerjasama di dalam bidang-bidang yang berpotensi untuk faedah bersama, daripada memberi tumpuan kepada isu-isu tertunggak.

Baru-baru ini, pihak Singapura ada menyatakan hasratnya untuk membincangkan semula isu tanah KTM di Singapura. Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji perkara ini dari segala aspek sebelum sebarang keputusan diambil agar kepentingan negara terpelihara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN MULUT**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID**  
**[PADANG BESAR]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [ PADANG BESAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil kira kesan inflasi yang bakal dialami memandangkan Kerajaan telah mula meliberalisasikan harga barangan dalam negara dan apakah langkah-langkah untuk melindungi rakyat yang berpendapatan rendah khasnya petani-petani di luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan liberalisasi harga barangan seperti besi dan keluli serta simen terpaksa dilakukan kerana harga pasaran dunia bagi barangan tersebut adalah jauh lebih tinggi daripada harga kawalan yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan pada harga siling. Masalah ini seterusnya memberi kesan negatif kepada industri pembinaan di mana ianya akan menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah meliberalisasikan harga barangan tersebut demi memastikan pertumbuhan ekonomi, terutamanya di dalam industri pembinaan akan terus rancak. Liberalisasi juga menggalakkan persaingan di kalangan industri dalam

dan luar negara. Langkah leberalisasi ini mengakibatkan kadar inflasi meningkat antara 5 hingga 6 peratus pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar inflasi akan hanya berlaku dalam tempoh jangka pendek. Sebaliknya, dalam jangka sederhana, harga akan kembali stabil dan inflasi akan kembali kepada tren normal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin akan golongan yang berpendapatan rendah khasnya petani-petani di luar bandar, di mana pelbagai insentif dan bantuan lain secara langsung masih diteruskan seperti subsidi padi, baja, faedah imbuhan tahunan, pendidikan dan pengangkutan.

Selain itu, bagi mengurangkan beban rakyat, Skim Jaringan Keselamatan Sosial atau dengan izin, *Social Safety Net*, terus diperkukuhkan dan diperluaskan dengan pelbagai bantuan bagi mengurangkan beban rakyat khususnya golongan yang memerlukan. Di antaranya bantuan yang diberikan iaitu bantuan kepada kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya, pesakit kronik dan bantuan anggota palsu. Kerajaan juga telah menaikkan kadar kelayakan bantuan isirumah keluarga miskin daripada RM400 kepada RM700 sebulan.

Kesimpulannya, tekanan harga akan memberi kesan kepada rakyat dalam jangka pendek akibat daripada penstrukturan semula subsidi dan liberalisasi harga barangan. Namun, dalam jangka panjang, ianya akan mendatangkan manfaat yang lebih besar kepada negara dan rakyat. Industri akan menjadi lebih berdaya saing, kompetitif, penggunaan sumber yang lebih prouktif, tidak berlaku pembaziran dan sasaran pemberian subsidi kepada golongan yang lebih berhak menerimanya.

**LAMPIRAN Q**

**SOALAN 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

usaha-usaha mempromosikan pelancongan di Sabah dan  
apakah produk pelancongan terbaru yang dikenal pasti di negeri  
tersebut.

**JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,**

Sabah terkenal dengan keindahan alam semulajadinya serta masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan adat resam yang berbeza. Keistimewaan ini merupakan antara tarikan utama yang mampu menarik pelancong tempatan mahupun antarabangsa ke Negeri Sabah.

Kementerian Pelancongan, melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sabah dan agensinya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia cawangan Negeri Sabah sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri di dalam membangunkan industri pelancongan di Negeri Sabah. Ini dilakukan melalui penganjuran acara-acara pelancongan dan kebudayaan, sambutan perayaan utama negeri seperti Tadau Kaamatan, dan aktiviti-aktiviti promosi yang diadakan dari masa ke semasa.

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia cawangan Sabah sentiasa menjalankan usaha-usaha promosi pelancongan untuk negeri Sabah. Di antara program-program yang dijalankan adalah;

- i) Menganjurkan lawatan suai kenal produk pelancongan yang terdapat di negeri Sabah kepada agensi dan pengusaha pelancongan serta media dari negeri-negeri lain di Malaysia di dalam program Misi Jualan Domestik. Program ini menemukan pengusaha-pengusaha pelancongan dari Semenanjung Malaysia dengan pengusaha pelancongan di Sabah. Melalui program ini, para pengusaha produk pelancongan digalakkan untuk membangunkan pakej-pakej baru bagi Negeri Sabah.
- ii) Mengadakan promosi di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi, melalui program pelancongan pelajar. Ini dilakukan melalui taklimat-

taklimat pelancongan di samping mengadakan lawatan-lawatan suaikenal ke produk-produk pelancongan. Ini bertujuan menimbulkan minat melancong di kalangan pelajar.

iii) Bekerjasama dan membantu pihak kerajaan negeri dalam melaksanakan dan mempromosi acara-acara tahunan di Sabah seperti KK City Day Celebration, Sabah Fest, Pesta Kaamatan, Dragon Boat Race, Sandakan Festival, Mount Kinabalu International Climbathon, Regatta Lepa dan lain-lain.

iv) Menganjurkan program "*familiarization trip*" dengan menjemput pengusaha pelancongan serta media asing mengadakan lawatan ke tarikan pelancongan dan juga aktiviti-aktiviti pelancongan di Sabah. Melalui program ini, Negeri Sabah akan didedahkan kepada pelancong luar negeri secara lebih dekat.

Selain daripada itu, beberapa produk pelancongan baru yang berpotensi untuk dipromosikan telah dikenalpasti. Produk-produk pelancongan tersebut adalah seperti berikut;

- i) The Quailey Hill (Pow memorial Site), Ranau
- ii) "Tagal" Sungai Moroli, Kampung Luanti, Ranau
- iii) Mountain Torq's-Via Ferrata, Ranau.
- iv) Rainforest Discovery Center, Sandakan.
- v) Miki Survival Camp, Ranau.
- vi) Borneo Kellybays, Tuaran

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)**

**SOALAN : 28**

**Tuan Chua Tee Yong (Labis)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh sebenar penguatkuasaan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang kereta. Apakah langkah-langkah persediaan yang telah diambil bagi menguatkuasakan peraturan ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan menguatkuasakan peraturan pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang mulai 1 Januari 2009 ke atas semua jenis kenderaan kecuali kenderaan seperti berikut: :

- i. kenderaan yang didaftarkan sebelum 1 Januari 1995;
- ii. kenderaan yang didaftarkan selepas 1 Januari 1995, tetapi tidak dilengkapi dengan *anchorage points*;
- iii. kenderaan komersial termasuk teksi dan kereta sewa;
- iv. kenderaan penumpang yang mempunyai lebih dari 8 tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu; dan
- v. kenderaan barangan yang mempunyai had muatan barang melebihi 3.5 tan.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah persediaan yang telah diambil oleh Kerajaan sebelum menguatkuasakan peraturan pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang adalah seperti berikut :

- i. semenjak 1 Jun 2008, Kerajaan telah memulakan kempen advokasi pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang. Kempen advokasi ini bertujuan untuk membiasakan orang ramai terhadap peraturan baru pemakaian tali pinggang keselamatan tempat duduk belakang. Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan mengadakan Operasi Nasihat di seluruh negara. Dalam operasi ini, mana-mana penumpang tempat duduk belakang yang didapati tidak memakai tali pinggang keledar akan diberikan nasihat (termasuklah memberikan risalah dan pelekat) berkenaan kepentingan pemakaian tali pinggang keselamatan tempat duduk belakang. Kempen advokasi ini akan diadakan bagi tempoh 6 bulan; dan
- ii. Kerajaan telah mendapat persetujuan daripada beberapa pembuat kenderaan untuk memasang tali pinggang keledar tempat duduk belakang secara percuma bagi kenderaan yang masih belum dipasang dengan tali pinggang keledar tempat duduk belakang. Sementara itu, rundingan diteruskan dengan pihak-pihak pembuat kenderaan yang lain.

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN:                   BAGI JAWAPAN LISAN  
DARIPADA:                    YB. ROSLAN BIN SHAHRUM  
                                      [BUKIT GANTANG]  
TARIKH:                        8 JULAI 2008  
SOALAN:

29.    PR-1212-L14345  
      **Tuan Roslan bin Shahrum [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang Kerajaan sedang dan akan ambil bagi memastikan bahawa kedaulatan wilayah Malaysia tidak terjejas atau terancam sebagaimana yang berlaku ke atas Batu Putih.

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.**

**SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : 30**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**

**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik ( Sik ) minta PERDANA MENTERI menyatakan memandangkan di bawah dasar Islam Hadhari didapati peranan pegawai agama, mufti, khadi dan pegawai agama lain makin terencil, adakah Kerajaan akan berusaha memperbaiki keadaan ini.**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang DiPertua,**

1. Kerajaan telah mengambil satu langkah berani untuk memperkasakan kedudukan umat dan negara sebagai sebuah negara Islam contoh. Perancangan untuk memartabatkan agama Islam memerlukan sokongan padu agar agama Islam menjadi kuat dan sekaligus berperanan sebagai payung keadilan kepada seluruh rakyat pelbagai kaum.
2. Perkhidmatan Hal Ehwal Islam di negara ini terbahagi kepada dua iaitu di peringkat persekutuan dan negeri. Pada peringkat awal, urusan pengurusan Hal Ehwal Islam di peringkat persekutuan hanya dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Manakala pengurusan Hal Ehwal Islam di peringkat negeri oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).
3. Kenyataan yang menyatakan bahawa peranan pegawai Hal Ehwal Islam, mufti, dan pegawai tadbir agama makin terpencil selepas Kerajaan memperkenalkan Pendekatan Islam Hadhari, adalah tidak benar. Sebaliknya perjawatan dalam perkhidmatan berkenaan telah dipertingkatkan sejak beberapa tahun yang lalu setaraf dengan perkhidmatan yang lain.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN MD. TAIB  
(BALING)**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kemajuan yang telah dicapai terhadap program Mini Estet Pekebun Kecil Getah di bawah FELCRA sejak 15 tahun lalu di Daerah Baling dan apakah manfaat yang diperolehi para peserta tersebut sehingga kini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan bahawa, FELCRA Berhad tidak melaksanakan Program Mini Estet Pekebun Kecil Getah di Daerah Baling. Walau bagaimanapun, FELCRA melaksanakan projek Penyatuan dan Pemulihan Tanah.

Di bawah projek diatas, seramai 1,239 peserta telah menerima manfaat daripada pembangunan tanah seluas 3,070.64 hektar .

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI  
(TAWAU)  
TARIKH : 8.7.2008

**SOALAN:**

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah peratusan dan bilangan murid darjah satu sekolah kebangsaan yang tidak boleh membaca dan menulis di Sabah dan Tawau khususnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan ujian penapisan KIA2M pada 28 Januari 2008, peratusan dan bilangan murid Tahun 1 yang tidak boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam program KIA2M di Sabah adalah **65.5 % atau 28,700 murid**. Manakala peratusan dan bilangan murid Tahun 1 yang tidak boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam program KIA2M di Tawau pula adalah **58% atau 2,697 murid**.

- b) Pelbagai usaha dan program telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM bagi mengatasi masalah murid yang masih tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira, antaranya:
- i. Memantapkan lagi Program Pemulihan Khas;
  - ii. Menjalankan Program Rintis Kelas Pembelajaran Ringan - KBSR;
  - iii. Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid Tahun 1 telah diwujudkan mulai 2006.
  - iv. Menjalankan Kajian Status Terkini Pelaksanaan Pemulihan Khas;
  - v. Melaksanakan Program Pemulihan Khas Tahap 1;
  - vi. Melaksanakan Program Pemulihan Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) untuk murid Tahun 4 (mulai Februari 2007);
  - vii. Mengadakan Program Pemulihan 3M Pasca-UPSR (PROTIM) untuk murid Tahun 6 (mulai 2006);  
Gerak Gempur 2M (Membaca dan Menulis)
  - viii. Mengadakan Program Bimbingan 3M (PROBIM) dari kelas peralihan hingga Tingkatan 5 (mulai Mei 2007);
  - ix. Mengadakan lebih banyak kelas prasekolah;
  - x. Melaksanakan Program Pendidikan Khas Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran Khusus (Disleksia); dan
  - xi. Menjalankan Program Rintis Masalah Pembelajaran Murid Autisma.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]

TARIKH : 8 JULAI 2008

**SOALAN:**

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia akan menarik balik keputusan membatalkan pelaksanaan projek 'jambatan bengkok' Johor dan sebaliknya melaksanakan projek tersebut secepat mungkin atas keperluan semasa dan lain-lain sebab serta mengembalikan maruah kemerdekaan negara.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Pada waktu ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik keputusan membatalkan pelaksanaan projek 'jambatan bengkok' Johor.

Pendapat undang-undang dari Jabatan Peguam Negara menunjukkan bahawa Malaysia tidak boleh meneruskan usaha membina jambatan tersebut secara bersendirian (atau "unilateral", dengan izin) tanpa mematuhi tuntutan undang-undang antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah pendapat undang-undang dari Jabatan Peguam Negara:

"Pembinaan jambatan bengkok untuk menggantikan Tambak Johor sebelah Malaysia perlu dikaji secara menyeluruh dengan mengambil kira implikasi undang-undang antarabangsa, khususnya kesan alam sekitar terhadap Singapura dan di sekitar kawasan Selat Johor. Selain daripada itu, pembinaan jambatan bengkok ini akan melibatkan perobohan Tambak Johor sebelah Malaysia. Perobohan ini akan secara langsung menjejaskan paip-paip air yang terletak di dalam Tambak Johor dan paip-paip air yang terletak di kiri dan kanan Tambak Johor. Dalam konteks ini, implikasi undang-undang perlu dikaji berdasarkan Perjanjian Air Johor – Singapura 1961 dan 1962; Perjanjian Wayleave; dan Perjanjian Pemisahan Malaysia – Singapura (Separation Agreement) 1965."

“Malaysia, sebagai sebuah negara berdaulat dan bebas, mempunyai kuasa mutlak terhadap kewasannya dan di dalam melaksanakan kuasa tersebut, tidak ada negara lain yang berhak campur tangan. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak boleh mengambil tindakan “unilateral” tanpa mengambil kira prinsip dan tuntutan undang-undang antarabangsa, yang turut menyentuh serta mengambil kira hak dan kepentingan negara-negara jirannya.”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perlu dinyatakan bahawa Singapura beranggapan bahawa tiada keperluan untuk menggantikan Tambak Johor yang sedia ada dengan 'jambatan bengkok' yang baru. Justeru, Singapura telah menyatakan hasrat inginkan timbang balas (atau “quid-pro-quo”, dengan izin) bagi mendapatkan persetujuan untuk membina jambatan baru. Timbang balas yang dimaksudkan merupakan pembelian jumlah pasir yang banyak serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat tentera udara Singapura.

Dengan mengambil kira fakta berkenaan, Kerajaan telah membuat keputusan tegas untuk menolak cadangan timbang balas Singapura untuk memperoleh pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia. Keputusan ini dibuat memandangkan timbang balas yang dikenakan Singapura boleh menjejaskan kedaulatan negara. Dalam hal ini, Kerajaan telah memutuskan untuk menghentikan projek jambatan berkenaan memandangkan ia adalah selaras dengan kehendak rakyat dan kepentingan negara.

*SULIT*

NO SOALAN : 34

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENJA)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah tawaran *offset* yang ditawarkan oleh Kerajaan Rusia dalam pembelian jet Sukhoi.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Rosoboronexport telah menawarkan sebanyak 36 program *offset* dalam tawaran asalnya. Bagaimanapun program *offset* yang dipersetujui dan dimuktamadkan hasil daripada rundingan lanjut di antara Kementerian Pertahanan dengan Syarikat Rosoboronexport adalah seperti berikut:

1. Penubuhan '*Service Technical Centre*' untuk senggaraan dan pembaikan pesawat Sukhoi SU-30MKM.
2. Pembangunan program sokongan logistik untuk '*Service Technical Centre*' SU-30MKM.
3. Pembangunan '*Full Mission Simulator*' pesawat Sukhoi.
4. Program Angkasawan.
5. Pembelian Timbalbalas – kelapa sawit dan getah asli.

**SOALAN NO: 35**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Daripada : Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)**  
**Pertanyaan : Lisan**  
**Tarikh : 08.07.2008**

**Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peratusan perolehan pendapatan negara (GDP) yang mampu dijana dari 5 + 1 negeri yang kini dikuasai oleh parti pembangkang.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2007, jumlah peratusan perolehan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah dianggarkan sebanyak 58.1% daripada KDNK benar negara atau berjumlah RM294 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK PANGLIMA ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Y.B DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN  
HAJI SALLEH (KALABAKAN) minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

- (a) Apakah tugas dan bagaimanakah tugas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berbeza dengan pihak keselamatan yang lain seperti polis, marin dan lain-lain; dan**

**(b)** Setakat ini sejauh manakah kejayaan agensi ini  
sejak diwujudkan di Sabah.

## **JAWAPAN (a)**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah seperti yang termaktub di dalam Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu Akta 633 yang memberi kuasa kepada Agensi ini untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah mana-mana Undang-Undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

Tugas Agensi ini adalah berbeza dari pihak keselamatan yang lain dari segi kawasan operasi yang lebih luas merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif dan Pelantar Benua meliputi pesisiran pantai sehingga 200 Batu Nautika di bawah Zon Maritim Malaysia yang merangkumi tugas penguatkuasaan undang-undang, mencari dan menyelamatkan, pencegahan pencemaran maritim dan pencegahan pengedaran dadah narkotik.

## **JAWAPAN (b)**

APMM memulakan operasi di Sabah pada 21 Jun 2007 dan sehingga Jun 2008, Agensi ini telah membuat tangkapan seperti berikut:

<b>Akta</b>	<b>Bilangan Kes</b>
Akta Perikanan	86
Akta Imigresen	42
Akta Kastam	12
Ordinan Perkapalan Saudagar	3
Akta Kawalan Bekalan	26
Akta Kanun Tanah Dan Galian	1
<b>Jumlah</b>	<b>170</b>

**SOALAN NO: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA.**

DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.07.2008

Y.B. Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab-sebab kelewatan Suruhanjaya Sekuriti menyiasat kesalahan manipulasi dan penipuan dalam pasaran saham yang melibatkan Iris Corporation Bhd. sedangkan pendedahan demi pendedahan telah dibuat sejak pertengahan tahun 2005 lagi:

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengawasan ke atas dagangan saham Iris Corporation Berhad (IRIS) bermula sejak awal tahun 2006. Siasatan awal telah dimulakan pada 11

Mei 2006 sejeurus selepas kaunter tersebut di umumkan sebagai kaunter terpilih.

2. Dalam jangka masa IRIS diletakkan di bawah pengawasan, beberapa tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia termasuk mengeluarkan kuir *Unusual Market Activity*, kaunter diletakkan di dalam keadaan waspada atau *market alerts* dan akhir sekali menetapkan kaunter tersebut sebagai kaunter terpilih. Hasil dari siasatan yang dijalankan, SC telah memfailkan tindakan sivil pada bulan April 2008 terhadap lapan warganegara asing (individu dan syarikat) dan dua warganegara Malaysia bagi kesalahan memanipulasi pasaran dan penipuan dalam dagangan saham IRIS.

3. Selain dari itu, SC juga telah mengambil tindakan pentadbiran ke atas dua syarikat broker yang terlibat di mana syarikat-syarikat tersebut telah didenda dan digantung daripada menyerahkan sebarang permohonan untuk mendaftarkan wakil peniaga baru dalam tempoh enam bulan. SC juga telah mengambil tindakan terhadap dua orang wakil peniaga yang terlibat di mana lesen wakil-wakil peniaga tersebut telah di gantung atau dibatalkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN**  
**[ JEMPOL ]**

**TARIKH JAWAPAN** : **8 JULAI 2008 ( SELASA )**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Lilah bin Yasin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan

- (a) apakah dasar Perkhidmatan POS Malaysia; dan
- (b) apakah perancangan pembangunan Pejabat Pos Bahau, Jempol Negeri Sembilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Perkhidmatan Pos di Malaysia beroperasi atas landasan 'regulatory instruments' berikut :

- i. Akta Perkhidmatan Pos 1991
- ii. Lesen Pos
- iii. *Universal Postal Union Convention & Regulations*

Ketiga-tiga 'regulatory instruments' ini memastikan perkhidmatan pos sejagat (*universal service obligation*) disediakan kepada semua rakyat di Malaysia. 4 elemen perkhidmatan pos sejagat adalah seperti berikut :

- i. Pencapaian (*accessibility of the postal services*)
- ii. Kemampuan (*affordability of the postal services*)
- iii. Keselamatan (*security of the postal service and postal items handled*)
- iv. Mutu Perkhidmatan (*quality of postal service rendered*)

Pihak yang bertanggungjawab berkaitan dasar Perkhidmatan Pos di Malaysia ialah Kementerian Tenaga, Air & Komunikasi, Malaysia manakala pemantauan dasar adalah di bawah kawalan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Malaysia.

(b) Pejabat Pos Bahau sekarang beroperasi di bangunan kedai yang disewa di alamat 52 Jalan Mahligai, 72100 Bahau. Tapak bangunan pejabat pos lama telah diambil alih oleh kerajaan negeri dan akan digantikan dengan tapak baru di Projek Lingkaran Tengah. Rancangan pembangunan seterusnya akan dibuat setelah tapak gantian tersebut diperolehi dari kerajaan Negeri.

Untuk kawasan Jempul, terdapat pejabat pos yang terletak di JKR 836, Jln. Seremban, 72120 Bandar Baru Sri Jempul (Serting). Pos Malaysia belum ada

rancangan untuk membuka pejabat pos baru di kawasan ini kerana rangkaian pos sedia ada boleh memenuhi keperluan penduduk setempat. Berikut adalah pejabat pos dan pejabat pos mini di sekitar Jempul:

Pos Malaysia

Jarak dari Pejabat Pos Sri Jempul

Pusat Bandar Palong	(Pejabat Pos)	4km
Serting Hilir	(Pos Mini)	10km
Palong 7,8	(Pos Mini)	6km
Bukit Rokan Utara	(Pos Mini)	28km

\*\*\*\*\*

No: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN  
DAHLAN (KOTA BELUD)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)**

**SOALAN : 39**

**Datuk Haji Abd Rahman Bin Dahlan (Kota Belud)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hasil yang diperolehi daripada cukai jalan di negeri Sabah dalam tempoh Mei 2007 - Mei 2008.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kutipan hasil yang diperolehi daripada cukai jalan bagi negeri Sabah dalam tempoh Mei 2007 hingga Mei 2008 adalah sebanyak RM58,688,978.50.

**SOALAN NO. ( 40 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BIN KASSIM  
(KUALA KEDAH)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN AHMAD BIN KASSIM (KUALA KEDAH) minta  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
menyatakan mengenai rancangan pembangunan di  
sepanjang pantai dan sungai-sungai utama di negara ini,  
khususnya di sepanjang Sungai Kedah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Secara umumnya, strategi pembangunan bagi kawasan pesisiran pantai dan sungai ada digariskan di bawah Rancangan Fizikal Negara (RFN) iaitu Dasar RFN 20 telah menyatakan bahawa Ekosistem pesisiran pantai sensitif perlu dilindungi dan digunakan secara mampan dan Dasar RFN 22 pula telah menyatakan bahawa Kesemua sumber air permukaan dan air tanah adalah aset strategik yang perlu dilindungi dan digunakan secara optima.

Projek-projek pembangunan yang dicadangkan di Kuala Kedah adalah seperti berikut :

- Meningkatkan taraf pelabuhan di Kuala Kedah sebagai pelabuhan antarabangsa.

- **Pembangunan Industri pemrosesan makanan laut.**
- **Pembinaan dan pelebaran lebuh raya pesisiran pantai.**

**Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan**

**Julai 2008**

**SOALAN NO. ( 41 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WAN ABDUL RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. DATUK WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selain daripada Geran Keseimbangan, apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Kelantan sejak tahun 1990.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Bantuan-bantuan berikut telah diberikan kepada PBT Negeri

Kelantan :-

- (i) Geran Tahunan PBT
- (ii) Sumbangan Membantu Kadar (SMK)
- (iii) Projek-Projek Kecil di Kawasan PBT (BP.1)
- (iv) Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun dalam Kawasan PBT (BP.6)
- (v) Local Agenda 21
- (vi) Program Kebersihan dan kawalan vektor

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

NO: 42

**PERTANYAAN :** LISAN

**NO. SOALAN :** 42

**DARIPADA :** Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]

**TARIKH :** 08.07.2008

**SOALAN :** Y.B. DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perlu perkara-perkara sensitif yang dianggap oleh masyarakat berbilang kaum tidak dibenarkan dibangkit dan dibincangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

**CADANGAN JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah termaktub beberapa langkah dan adab yang perlu dipatuhi oleh Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan sesuatu perkara. Misalnya di dalam Peraturan Mesyuarat 36 (10)(c) secara jelas menyatakan bahawa menjadi suatu kesalahan sekiranya Ahli Yang Berhormat mengguniakan perkataan-perkataan yang boleh menaikkan perasaan marah dan sakit hati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Namun demikian, dalam membicarakan sesuatu isu yang mungkin dianggap sensitif oleh masyarakat Malaysia tetapi berkait rapat dengan kepentingan umum, maka menjadi tanggungjawab Ahli Yang Berhormat sendiri untuk memastikan hujah yang disampaikan tidak menyinggung perasaan kaum lain. Sekiranya ucapan yang diberikan itu jelas melanggar peraturan-peraturan yang telah digariskan, maka tindakan yang sewajarnya harus diambil tanpa bermaksud untuk meniadakan amalan demokrasi di Parlimen itu sendiri. Oleh yang demikian adalah penting bagi semua ahli Yang Berhormat mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan demi menjaga kepentingan semua pihak dan keharmonian Majlis Mesyuarat itu sendiri.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 Julai 2008 (Selasa)**

**SOALAN** **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah pelabuhan pendaratan ikan Tok Bali di Pasir Puteh akan beroperasi sepenuhnya. Jelaskan, apakah komponen-komponen utama projek berkenaan dan sejauh manakah manfaat yang bakal diterima penduduk setempat dari aspek ekonomi dan sosial

**Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Tok Bali masih didalam pembinaan. Sehingga kini kerja-kerja pembinaan Fasa I dan Fasa II telah disiapkan. Manakala pembinaan bagi Fasa III yang melibatkan kerja-kerja Awam seperti jalan masuk, pagar kawasan, slipway, kuarters kakitangan, pusat pemprosesan dan bengkel/ *work shop* akan dimulakan pada tahun 2008 dan dijangka siap pada tahun 2010.

Projek yang menelan belanja sebanyak RM67.0 juta ini dijangka siap sepenuhnya dan boleh digunakan pada awal tahun 2010. Kompleks pendaratan ikan Tok Bali ini dijangka akan dapat menyediakan kemudahan infrastruktur pendaratan ikan yang lengkap dan moden untuk bot-bot penangkapan ikan laut dalam di negeri Kelantan, khususnya di Tok Bali sendiri.

Dalam masa yang sama LKIM juga sedang membangunkan sebuah penempatan nelayan di kawasan berkenaan yang melibatkan seramai 300 orang nelayan.

Dengan adanya pelabuhan ini Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani menjangkakan perkembangan industri hiliran dan huluan berasaskan perikanan di Tok Bali dan kawasan persekitarannya akan turut berkembang seterusnya dapat menjana pembangunan industri perikanan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN**  
**[ PENDANG ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1109**

**SOALAN:**

**Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah balai polis dan kuarters polis yang siap dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan apakah perancangan untuk balai polis yang tidak ada kuarters anggota pada masa ini ; dan
- (b) jumlah balai polis yang melebihi usia 50 tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. dari Pendang, yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembinaan Balai Polis (Butiran P62-Peruntukan KDN) telah siap dilaksanakan sehingga kini adalah sebanyak 40 projek yang merangkumi sebanyak 1186 buah rumah manakala projek perumahan khas PDRM (Butiran P06-Peruntukan JPM) yang telah disiapkan adalah 30 projek yang merangkumi 4505 buah rumah. Buat masa sekarang, bagi semua pembinaan Ibu Pejabat Polis, Balai Polis dan Pondok Polis telah dilengkapi dengan kemudahan kuarters. Walau bagaimanapun ia masih belum mencukupi dan untuk itu, sebilangan anggota menyewa rumah di luar.

Tuan Yang Dipertua,

Pada keseluruhannya, sehingga tahun 2008 terdapat 56 buah balai polis melebihi usia 50 tahun di seluruh Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)** minta Menteri Pelajaran menyatakan pecahan peruntukan antara Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T) dari 2000 hingga 2008.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dari Tahun 2000 hingga 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan Belanja Mengurus kepada Sekolah Kebangsaan (SK) sebanyak **RM35.05 bilion**, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebanyak **RM9.6 bilion** dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sebanyak **RM3.97 bilion**.

Di samping itu, dalam RMKe-9, bagi sekolah bantuan penuh (sekolah kerajaan), KPM telah memperuntukkan sebanyak **RM4.3 bilion bagi SK, RM174.34 juta bagi SJKC dan RM64.84 juta bagi SJKT**. Manakala dana sebanyak **RM100 juta** disalurkan kepada semua sekolah bantuan kerajaan.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. Pecahan peruntukan yang disalurkan mengikut Jenis Sekolah dan tahun adalah seperti berikut :

Tahun	SJK (RM)	SJK(C) (RM)	SJK(T) (RM)
2000	697,056,100	1,901,818,700	823,982,700
2001	2,794,769,000	657,021,300	268,944,100
2002	3,338,640,400	771,055,500	316,222,800
2003	3,629,419,500	826,841,600	342,889,500
2004	4,251,719,550	958,574,920	391,331,130
2005	4,492,841,100	1,014,442,400	414,990,700
2006	4,817,121,400	1,014,163,062	412,278,577
2007	4,915,265,534	1,095,965,624	444,678,062
2008	6,115,177,126	1,363,626,360	552,850,067
Jumlah	35,052,009,710	9,603,509,466	3,968,167,636

- ii. Peruntukan Belanja Mengurus yang disalurkan bagi tempoh 2000 hingga 2008 Mengikut Bilangan dan Jenis Sekolah

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Peruntukan (RM)
Sekolah Kebangsaan	5785	35,052,009,710
SJK (Cina)	1290	9,603,509,466
SJK (Tamil)	523	3,968,167,636

(Sumber : EPRD)

iii. **Purata peruntukan** yang disalurkan bagi setiap sekolah mengikut Jenis Sekolah adalah seperti berikut :

Sekolah Kebangsaan	:	RM6,059,120/sekolah
SJK Cina	:	RM7,444,580/sekolah
SJK Tamil	:	RM7,587,318/sekolah

Berdasarkan perkiraan tersebut, didapati bahawa peruntukan yang disalurkan secara purata adalah tinggi bagi **SJKC** iaitu **35.29%**, **SJKT 35.97%** manakala Sekolah Kebangsaan sebanyak **28.73%**.

iv. **Pecahan Peruntukan Belanja Mengurus**

65% daripada peruntukan Belanja Mengurus tahunan Kementerian ini adalah bagi maksud emolumen manakala 35% adalah bagi peruntukan bukan emolumen iaitu bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, Aset dan Bantuan kepada murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**  
**[ SETIU ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**SOALAN :**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah penghidap penyakit kencing manis di negara ini mengikut pecahan negeri mulai tahun 2000 hingga kini dan bagaimanakah langkah-langkah Kerajaan bagi menangani gejala penyakit ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan data terkini, melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang Ketiga (*NHMS III*) pada tahun 2006, prevalens diabetes di Malaysia adalah berjumlah 11.5% atau kira-kira 1.5 juta penduduk yang berumur 18 tahun dan ke atas. Tiga negeri yang menunjukkan prevalens tertinggi adalah Negeri Sembilan (15.3%), Melaka (15.2%) dan Pulau Pinang (14.9%) manakala negeri Sabah menunjukkan prevalens yang terendah (4.9%).

Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menangani penyakit diabetes termasuklah :

- a. Meneruskan Kempen Cara Hidup Sihat untuk mencegah diabetes dan lain-lain penyakit kronik tidak berjangkit (*NCD*). Tumpuan diberikan kepada lima elemen asas yang berkaitan dengan konsep cara hidup yang sihat iaitu makan secara sihat, senaman dan kecergasan fizikal, tidak merokok, menangani stres dengan bijak dan sihat tanpa alkohol. Kementerian Kesihatan juga telah menghasilkan pelbagai bahan pendidikan kesihatan yang mengandungi maklumat bagaimana untuk mencegah dan mengawal diabetes;
- b. Membentuk persekitaran yang lebih sihat untuk mencegah dan mengawal diabetes dan lain-lain penyakit *NCD* melalui Dasar Pemakanan Negara 2005 dan melaksanakan keperluan yang telah ditetapkan di bawah *WHO Framework Convention for Tobacco Control (FCTC)*; dan
- c. Memperluaskan perkhidmatan pengesanan awal faktor-faktor risiko penyakit *NCD* di klinik-klinik kesihatan diikuti dengan intervensi faktor risiko *NCD* (atau dikenali sebagai *clinical preventive services*). Saringan turut dilakukan melalui kem-kem kesihatan. Kementerian Kesihatan juga terus mengukuhkan perkhidmatan klinikal rawatan diabetes di klinik-klinik kesihatan melalui kakitangan kesihatan yang dilatih khusus dalam bidang

diabetes dan menjalankan pendidikan kesihatan yang berterusan (*continuous medical education–CME*) dalam bidang diabetes bagi semua kakitangan yang berkaitan. *Clinical Practice Guideline* untuk diabetes dan Garis Panduan Pengendalian Diabetes juga telah dihasilkan dan disemak secara berkala. Selain itu, rawatan oleh Pakar Perubatan Keluarga turut disediakan di peringkat klinik kesihatan.

Usaha untuk mencegah diabetes dan mengurangkan kejadian komplikasi akibat diabetes adalah penting bagi menjamin kualiti hidup pesakit yang baik dan sekaligus dapat mengurangkan beban kemasukan pesakit diabetes ke hospital.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**  
**[ HULU TERENGGANU ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1110**

**SOALAN:**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status rancangan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu yang baru menggantikan bangunan lama yang uzur dan sempit.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang telah mengemukakan pertanyaan.

2. Cadangan Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

3. Bagaimanapun, projek ini akan dikeluarkan dari senarai projek yang akan dilaksanakan dalam RMK-9 kerana kekurangan peruntukan. Projek ini akan disenaraikan semula untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

SOALAN NO: <sup>49</sup>~~38~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI  
IBRAHIM [MUAR]

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN :

TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM [MUAR] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN  
KEBERKESANAN SISTEM AMARAN AWAL  
GABUNGAN TEKNOLOGI SISTEM AMARAN AWAL

DAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) YANG MENGUMPUL DATA BAGI MEMASTIKAN KESEMUA KAWASAN-KAWASAN BERISIKO TINGGI DI SELURUH NEGARA MENDAPAT TUMPUAN PEMANTAUAN YANG SEWAJARNYA SAMBIL MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN JALAN RAYA KHASNYA KAWASAN TANAH RUNTUH.

**JAWAPAN:-**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTITAH, OBJEKTIF UTAMA SISTEM AMARAN AWAL TANAH RUNTUH IALAH BAGI MEMINIMAKAN KESAN KEJADIAN TANAH RUNTUH KEPADA SOSIAL DAN EKONOMI. IA TIDAK BOLEH MENGHALANG KEJADIAN TANAH RUNTUH DARIPADA BERLAKU. MENURUT UN-ISDR (UNITED NATION-INTERNATIONAL STRATEGY FOR DISASTER REDUCTION) SISTEM AMARAN AWAL PERLUHAH MEMILIKI EMPAT (4) ELEMEN PENTING IAITU;**

- (I) PENGETAHUAN MENGENAI WUJUDNYA BAHAYA; SECARA PENGAMATAN (VISUAL) ATAU ANALISIS,**

- (II) PEMANTAUAN DAN PERKHIDMATAN AMARAN; MELIBATKAN PEMASANGAN PERALATAN PENGESAN, CERAPAN DATA SECARA MASA-SEBENAR (REAL-TIME), ANALISIS DAN PENGESYORAN AMARAN.**
- (III) PENYEBARAN MAKLUMAT (DAN AMARAN) YANG DIFAHAMI; MELIBATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI MAKLUMAT (SMS, E-MAIL DAN WEB)**
- (IV) KEMAMPUAN BERTINDAK; PENGETAHUAN DAN PERSEDIAAN UNTUK BERTINDAK (EMERGENCY RESPOND PREPAREDNESS).**

**KEBERKESANAN SISTEM AMARAN AWAL TANAH RUNTUH BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KEEMPAT-EMPAT ELEMEN PENTING INI.**

**SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) PULA MERUPAKAN SALAH SATU PERALATAN (TOOL) BAGI PENYIMPANAN DAN PEMAPARAN (JUGA PENYEBARAN) MAKLUMAT LOKASI BERPOTENSI DAN MAKLUMAT PEMANTAUAN TANAH RUNTUH. SEGALA MAKLUMAT ATAU DATA-DATA YANG DICERAP SAMA ADA SECARA MANUAL ATAU MENGGUNAKAN PERALATAN PENGESAN SECARA OTOMATIK (AUTOMATIC SENSOR) BOLEH DISIMPAN DAN DIPAPARKAN DALAM BENTUK SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS).**

**SISTEM AMARAN AWAL TANAH RUNTUH YANG DILENGKAPI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) TIDAK DAPAT DINAFIKAN BOLEH MENINGKATKAN KEBERKESANANNYA TETAPI IA MASIH BERGANTUNG KEPADA GABUNGAN EMPAT ELEMEN YANG DINYATAKAN TADI,**

**TERUTAMANYA MODEL RAMALAN YANG  
DIGUNAKAN DALAM PENGESYORAN AMARAN.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM**  
**(BAYAN BARU)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM (BAYAN BARU)** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kapasiti bagi murid-murid dalam sesuatu kelas di sekolah rendah dan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani kelas-kelas terapong.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti murid-murid bagi sesuatu kelas di sekolah rendah ialah 35 orang murid. Bagi menangani kelas-kelas terapong, KPM berusaha menambah bilangan bilik darjah dan membina bangunan tambahan bagi sekolah-sekolah yang terlibat. Langkah terbaru KPM ialah dengan membina bilik darjah segera yang menggunakan sistem IBS (*Industrial Building System*) kabin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah pengurusan logo Halal Malaysia dipindahkan kepada syarikat bukan di bawah kerajaan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan logo Halal Malaysia tidak dipindahkan kepada syarikat bukan di bawah Kerajaan, kerana status HDC tidak lagi sebagai sebuah syarikat berikutan keputusan Kerajaan pada 2 Mei 2008 yang telah bersetuju supaya HDC dijadikan sebagai sebuah badan berkanun dan mempunyai akta khusus untuk membangunkan industri halal Malaysia.

Pada masa yang sama, Bahagian Halal Hab di bawah JAKIM yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan sijil Halal Malaysia adalah sedang dalam proses diserap ke HDC. Oleh itu, pengurusan pensijilan Halal Malaysia masih lagi dilaksanakan oleh pegawai yang sama dari Bahagian Halal Hab JAKIM.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN  
BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

**TARIKH : SELASA, 8 JULAI 2008**

**RUJUKAN : 19**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Tajuddin bin Abdull Rahman [Pasir Salak]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak kenderaan persendirian, awam dan perdagangan yang keluar masuk Bandaraya Kuala Lumpur setiap hari dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kesesakan lalu lintas setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Salak, bilangan kenderaan yang merentasi *Middle Ring Road I* (MRR I) setiap hari adalah 1.305 juta dan merentasi *Middle Ring Road II* (MRR II) ialah 2.125 juta. Kebanyakan kenderaan yang merentasi kedua-dua MRR I dan MRR II adalah terdiri dari kenderaan-kenderaan persendirian tanpa penumpang (*Single Occupant Vehicles, SOV*).

Pada waktu puncak pagi (7 pagi hingga 9 pagi) bilangan kenderaan SOV yang merentasi MRR I ialah 42, 000 buah dan MRR II ialah 86,500 buah. Pada waktu puncak petang (4 petang hingga 6 petang) pula, bilangan kenderaan SOV yang merentasi MRR I ialah 39,100 buah dan MRR II ialah 84,500 buah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pecahan bilangan kenderaan yang didaftarkan di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

i. Kereta	-	59.1%
ii. Bas	-	0.4%
iii. Teksi	-	0.8%
iv. Lori	-	5.6%
v. Lain-lain kenderaan	-	4.3%
vi. Motosikal	-	29.8%

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah harian yang telah diambil dalam mengurangkan kesesakan di Bandar Raya Kuala Lumpur adalah:

- i. Menggalakkan warga kota menggunakan pengangkutan awam untuk memasuki pusat bandar;
- ii. Mendapatkan kerjasama pihak Polis Trafik bagi membantu / mengawal di persimpangan - persimpangan jalan;
- iii. Melaksanakan larangan kenderaan melebihi 5 tan memasuki pusat bandar raya dalam waktu terhad;
- iv. Memaklumkan kepada orang ramai mengenai kesesakan lalu lintas melalui paparan sistem pesanan pelbagai (VMS) di ITIS;
- v. Menyediakan perkhidmatan 'Call Centre' (03-89474002 atau [www.ITIS.com.my](http://www.ITIS.com.my)) kepada para pengguna jalan raya;
- vi. Mengadakan laluan kontra pada waktu puncak pagi seperti di Jalan Loke Yew dan Jalan Sentul; dan
- vii. Menyalurkan maklumat lalu lintas kepada radio KLFM untuk disiarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN:**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam akan merombak semula cara biasiswa ditawarkan supaya kriteria terpenting adalah mengikut keputusan STPM, Matrikulasi, 'A' Level, UEC dan IB yang diterima oleh universiti tempatan dan luar negeri dan bukannya pada peringkat SPM, yang nyata terlalu awal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2008, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperkenalkan Program Penajaan Tambahan Lulusan SPM 2007 di mana pelajar-pelajar akan diberikan penajaan sekiranya mendapat tempat di Tingkatan 6 Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan Pusat-Pusat Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penajaan kepada pelajar-

NO. SOALAN:

pelajar ini akan diteruskan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama di IPT tempatan.

Di samping itu, penajaan turut diberikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat tempat di kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia seperti *Monash University*, *Nottingham University*, *Curtin University of Technology* dan *Swinburne University*. Bagi program penajaan ini, secara tidak langsung keputusan STPM, Matrikulasi, 'A' Level, *Unified Examination Certificate* (UEC) dan *International Baccalaureate* (IB) yang dijadikan asas untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya telah menjadi kriteria bagi pelajar-pelajar meneruskan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Pertama.

Buat masa ini, JPA sedang mengkaji sama ada untuk menawarkan biasiswa pada masa hadapan mengikut keputusan STPM, Matrikulasi, 'A' Level, UEC dan IB yang diterima oleh universiti tempatan dan luar negara dan bukannya pada peringkat SPM seperti yang diamalkan ketika ini.

NO SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

TARIKH : 8 JULAI 2008

**SOALAN:**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bantuan wang tunai dan bukan tunai yang telah diberikan kepada mangsa gempa bumi di China dan adakah Kerajaan menggunakan jaringan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan gempa bumi untuk membantu mangsa gempa bumi tersebut.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Jemaah Menteri pada 16 Mei 2008 telah bersetuju untuk memberikan sumbangan sebanyak **USD1.5 juta** kepada Republik Rakyat China akibat gempa bumi Sichuan yang berlaku pada 12 Mei 2008. Walau bagaimanapun pada 21 Mei 2008, Kedutaan Besar RRC di Malaysia telah meminta agar sumbangan tersebut diberi dalam bentuk barangan keperluan seperti khemah dan bekalan ubatan. Kerajaan Malaysia telah berusaha membekalkan 70 jenis ubat-ubatan bernilai **RM2.196 juta**, peralatan perubatan bernilai **RM0.646 juta**, 160 unit khemah bernilai **RM1.810 juta** dan selimut bernilai **RM0.1 juta**. Kesemua barangan ini telah dihantar dengan 3 buah pesawat C 130 pada 9 Jun 2008 dan 11 Jun 2008 dan diserahkan secara terus kepada Y.Bhg. Tang Hong, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Luar Sichuan. Kerajaan Malaysia tidak menggunakan sebarang jaringan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan gempa bumi dalam membantu mangsa bencana tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1111**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berapakah kuota yang diperuntukkan untuk anggota polis berpencen dari Sabah dalam pengambilan baru-baru ini; dan

(b) berapakah jumlah pegawai polis yang berasal dari Sabah yang terlibat dalam pasukan merekrut anggota baru dan berapakah kuota yang dikhasakan bagi anggota polis berasal dari Sabah dalam kenaikan pangkat pelbagai jawatan tinggi.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDRM tidak menetapkan sebarang kouta mengenai pelantikan secara kontrak selepas bersara pegawai dan anggota polis berdasarkan negeri-negeri tertentu. Walaubagaimanapun, setakat ini PDRM telah mengenalpasti seramai **tiga puluh (30) orang iaitu empat (4) orang pesara pegawai kanan polis dan dua puluh enam (26) pesara anggota polis yang berasal daripada negeri Sabah** untuk diperakukan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis bagi melantik mereka secara kontrak selepas bersara samada sebagai tenaga pengajar di pusat-pusat latihan polis atau bertugas di balai-balai polis komuniti.

Disamping itu, pemilihan dan pelantikan sebagai **Pengerusi serta dua (2) ahli lain bagi Lembaga-Lembaga Temuduga** untuk tujuan urusan **pengambilan baru Inspektor Polis dan Konstabel Polis bukanlah berdasarkan kepada faktor negeri asal seseorang individu atau pegawai kanan polis berkenaan.** Kelayakan dan pengalaman adalah faktor utama dalam pemilihan dan pelantikan Pengerusi dan ahli Lembaga Temuduga tersebut. Malahan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat **terdapat seorang Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis yang berasal daripada negeri Sabah**

dan pelantikan beliau sebagai Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis adalah atas perakuan dan syor Kerajaan Negeri Sabah sebelum cadangan pelantikan tersebut diangkat untuk mendapat Perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Salah satu tugas utama beliau adalah sebagai salah seorang Pengerusi Lembaga Temuduga Pengambilan Inspektor Polis yang diadakan setiap tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Suruhanjaya Pasukan Polis dan PDRM mengenai kenaikan pangkat adalah **'berasaskan merit'** bukannya berdasarkan kuota mengikut negeri asal seseorang pegawai dan anggota polis. Dalam mempertimbangkan cadangan kenaikan pangkat seseorang pegawai dan anggota polis mengambil kira; kecekapan dan prestasi kerja; kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman; sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan dan integriti, potensi dan daya kepimpinan; kekananan dan pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat tersebut serta kelayakan akademik jika dua (2) atau lebih pegawai didapati layak dan mempunyai kebolehan yang hampir sama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH

TARIKH: 8 JULAI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [ Dungun ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka pusat latihan pembantu rumah khusus untuk warga tempatan bagi menggalakkan mereka menjadi pembantu rumah.

PR-1212-L13429

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan bagi menubuhkan pusat latihan pembantu rumah di negara ini merupakan langkah yang baik bagi menggalakkan mereka menjadi pembantu rumah, di samping boleh menyumbang kepada peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Namun demikian, pelaksanaannya memerlukan kajian yang lebih teliti oleh kerana pelbagai faktor yang perlu diberi perhatian seperti latar belakang pendidikan serta gaji yang diberikan. Sehubungan itu, KSM sedang menjalankan kajian kesesuaian sama ada perlu / tidak diwujudkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard (NOSS)*) bagi pembantu rumah sebelum cadangan kursus berkenaan dikendalikan.

Analisis berdasarkan statistik pembantu rumah asing pada tahun 2007 oleh Unit Perancang Ekonomi menunjukkan bahawa daripada 2.04 juta pekerja asing di Malaysia, 314,295 pekerja asing bekerja sebagai pembantu rumah.

Dalam hubungan ini, Kementerian tiada halangan untuk melatih warga tempatan untuk menjadi pembantu rumah termasuk menjadikan sebagai satu kerjaya yang profesional. Ia hanya dapat dilakukan jika majikan bersedia membayar upah yang berpatutan bagi membolehkan rakyat tempatan bekerja sebagai pembantu rumah. Ini termasuklah memastikan pembantu rumah mendapat hak dan perlindungan sewajarnya melalui kontrak terutama membabitkan soal kadar dan pembayaran gaji, jaminan sosial, pemeriksaan kesihatan serta cuti.

**SOALAN NO. ( 57 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butir-butir peruntukan pembangunan secara terperinci yang telah dan akan disalurkan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan untuk tahun 2008 dan langkah Kementerian untuk membantu PBT meningkatkan pendapatan mereka.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan peruntukan pembangunan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Program BP.00100 (Projek-Projek Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan), BP.00300 (Program Kebersihan), BP. 00600 (Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun dalam Kawasan PBT) dan BP. 00800 (Local Agenda 21).

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1112**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah balai-balai polis di Puchong dan bilangan anggota-anggota dan sekiranya ianya tidak cukup untuk membanteras jenayah, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. dari Puchong, yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 2 buah balai polis di Puchong iaitu Balai Polis Puchong Jaya dan Balai Polis Bukit Puchong. Jumlah pegawai dan anggota yang bertugas adalah seramai 121 orang di kedua-dua buah balai polis. Walau bagaimanapun bilangan anggota-anggota yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk membanteras kegiatan jenayah. Justeru itu, untuk membantu membanteras jenayah yang semakin berleluasa, Balai Polis Komuniti telah dibina di Bandar Puteri dan Pos Polis Komuniti telah dibina di Taman Mawar. Balai Polis Komuniti Bandar Puteri mempunyai kekuatan 8 anggota manakala Pos Polis Komuniti Taman Mawar mempunyai kekuatan 2 anggota. Melalui pembinaan Balai Polis Komuniti dan Pos Polis Komuniti diharap akan dapat mengurangkan kadar jenayah di kawasan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 8 Julai 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lingkaran saluran paip gas yang telah siap dibina di seluruh Malaysia tetapi mengapa saluran paip gas yang telah siap dibina di negeri Perak tidak ada bekalan gas. Jika bekalan tidak mencukupi kenapa Kerajaan Persekutuan bersetuju membekalkan bekalan gas ke luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Penyaluran Gas Semenanjung (dengan izin *Peninsular Gas Utilisation System* - PGU) sepanjang kira-kira 2,500 kilometer ke seluruh Semenanjung Malaysia, yang menjadi penggerak utama kepada pembangunan sektor elektrik dan industri di Semenanjung Malaysia telah siap sepenuhnya pada tahun 1998. Sistem PGU merangkumi enam loji pemprosesan gas dengan kapasiti atau keupayaan untuk menyalur kira-kira 2,060 juta kaki padu sehari (mmscf/d).

Selain loji-loji pemprosesan gas dan saluran paip gas utama yang dimiliki dan dikendali oleh PETRONAS Gas Berhad (PGB), pihak Gas Malaysia Sdn. Bhd. (GMSB) turut membina saluran paip gas kecil yang disambung ke saluran paip gas utama sistem PGU untuk membekal dan mengedarkan gas kepada pelanggannya yang terdiri daripada pengguna perindustrian berskala kecil.

Tuan Yang Di Pertua,

Isu kekurangan bekalan gas yang dihadapi oleh sektor industri di Semenanjung adalah disebabkan peningkatan permintaan ke atas gas yang mendadak dari sektor berkenaan berikutan harga gas yang rendah yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak Oktober 2002 berbanding harga pasaran dan bahan api alternatif. Bagi tempoh 2002 hingga 2007, sektor industri telah mencatat peningkatan permintaan yang ketara sebanyak 59%. Berikutan peningkatan dalam permintaan, keseluruhan kapasiti pembekalan gas asli di Semenanjung pada masa ini telahpun dikontrakkan sepenuhnya (*fully contracted out*) kepada para pengguna di sektor elektrik dan sektor bukan elektrik. Bagi tahun 2008, bekalan gas di Semenanjung dijangka akan mengalami defisit kira-kira 180 mmscfd.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan sedar bahawa penetapan harga gas yang terlalu rendah berbanding harga pasaran dan harga bahan api alternatif telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap gas yang begitu tinggi. Sehubungan ini, pada 4 Jun dan 4 Julai 2008 yang lepas Kerajaan telah

mengambil langkah untuk mengurangi subsidi harga gas kepada sektor elektrik dan sektor industri. Walaupun, langkah tersebut mungkin tidak dapat mengatasi sepenuhnya kekurangan bekalan gas, ianya dijangka akan mendorong para pengguna untuk mengguna sumber tenaga khususnya gas secara lebih cekap dan penjimatan gas dari langkah tersebut akan dapat digunakan untuk memenuhi sebahagian permintaan daripada pengguna.

Sungguhpun demikian, pihak industri masih mempunyai pilihan untuk menggunakan bahan api alternatif seperti '*medium fuel oil*' (MFO) dan *diesel* dan gas petroleum cecair (LPG) dalam proses pengeluaran mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada bekalan gas.

Tuan Yang di Pertua,

Berhubung dengan isu bekalan gas keluar negara, sukalah dijelaskan bahawa pembangunan industri petroleum termasuk gas melibatkan modal yang besar dan risiko yang tinggi. Bagi memastikan pembangunan industri tersebut berdaya maju, PETRONAS perlu mendapatkan komitmen dan jaminan pembelian jangka panjang dari pengguna utama (*anchor customer*), yang mana pada peringkat awalnya hanya Singapura yang menawarkan jaminan tersebut. Sebagai negara yang mendaulatkan undang-undang, kita perlu mematuhi perjanjian bekalan gas berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB John A/L Fernandez (Seremban)

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN : YB John A/L Fernandez (Seremban) minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah alasan-alasan yang menyebabkan tuntutan Malaysia di Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang bersidang di Hague Belanda mengenai tuntutan Batu Puteh ditolak 23 Mei 2008.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Walaupun kita amat kecewa dengan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 yang menyebelahi Singapura berhubung Batu Puteh, kita bersyukur kerana telah diputuskan oleh ICJ sebagai mengekalkan hak milik dan kedaulatan ke atas Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan). Memandangkan kedaulatan Tubir Selatan ditentukan berdasarkan perairan wilayah negara di mana terletak entiti tersebut (*sovereignty over South Ledge belongs to the state in the territorial waters in which it is located*), nampaknya ia memihak

kepada Malaysia berasaskan kepada lokasinya di dalam perairan Batuan Tengah yang telah disahkan sebagai hak milik Malaysia.

Mengenai punca jatuhnya kedaulatan Batu Puteh ke tangan Singapura ini, penghakiman ICJ memutuskan bahawa hak milik kedaulatan ke atas Batu Puteh berpindah daripada kesultanan Johor kepada United Kingdom dan seterusnya kepada Singapura berdasarkan perlakuan pihak-pihak yang terlibat (*conduct of parties*). Ini terutamanya merujuk kepada tindak-tanduk Singapura, dan sebelum itu British di satu pihak dibandingkan dengan ketiadaan tindak-balas Malaysia di satu pihak yang lain serta kegagalan Malaysia untuk bertindak-balas kepada tindak-tanduk Singapura. Dalam hal ini, pihak berkuasa Johor dan kemudiannya Malaysia dikatakan tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Batu Puteh daripada Jun 1850 sehingga hampir satu abad kemudian. Ini ditambah lagi dengan peta-peta rasmi Malaysia tahun 1960-an dan 1970-an yang melabelkan Batu Puteh sebagai milik Singapura serta surat Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor bertarikh 21 September 1953 yang menyatakan bahawa Johor tidak mempunyai hak milik ke atas Batu Puteh.

Dalam hal ini, kita tidak sewajarnya menuding jari kepada pasukan Malaysia yang bekerja keras demi mempertahankan kedaulatan negara untuk mempertahankan kes Malaysia di ICJ. Kerja-kerja penyelidikan mengenai kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh telah dijalankan di Malaysia dan di serata dunia dengan penuh dedikasi oleh pasukan Malaysia selama hampir 30 tahun dari tahun 1979-2007. Kesungguhan pasukan Malaysia

dalam menyediakan negara bagi menghadapi kes ini terbukti dengan segala usaha penyelidikan dan pengumpulan bukti-bukti kes Malaysia secara berterusan selama hampir 30 tahun ini sehingga ke saat-saat akhir sebelum perbicaraan. Usaha berterusan dan penuh kesungguhan ini semasa persediaan kes sama ada di peringkat penyelidikan mahupun persediaan pliding-pliding bertulis dan semasa perbicaraan lisan di ICJ melibatkan ramai pegawai dari pelbagai agensi Kerajaan; para penyelidik yang dilantik; pakar-pakar dalam bidang tertentu dan penasihat undang-undang antarabangsa Malaysia yang terkemuka yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam mengemukakan kes Malaysia di ICJ.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING**  
**(SERDANG)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)** minta Menteri Pelajaran menyatakan status pembangunan 6 buah SJK (C) baru yang terletak di kawasan Bukit Serdang, Sungai Long, Kajang, Rawang dan lain-lain yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pusat sebelum Pilihan Raya Umum ke-12.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,  
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan permohonan pembinaan 6 buah SJK(C) baru pada 30 Januari 2008 di kawasan seperti berikut :

- i. Wangsa Maju, Kuala Lumpur;
- ii. Danga Bay, Johor Bharu;
- iii. Bukit Serdang, Selangor;
- iv. Kajang, Selangor;
- v. Sg. Long, Selangor, dan
- vi. Rawang, Selangor

Pada masa ini, pihak pemohon dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sedang mendapatkan tapak yang bersesuaian untuk projek pembinaan sekolah-sekolah berkenaan. KPM akan memperhalusi pelaksanaan projek pembinaan sekolah-sekolah tersebut khususnya berhubung dengan pemilihan tapak dan lokasi serta kos pembinaan.

NO = 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. ZAINAL ABIDIN BIN  
AHMAD (HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : 62**

**Datuk Dr. Zainal Abidin Bin Ahmad (Hulu Selangor)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang diambil terhadap lori-lori berat mengangkut pasir dan batu yang merosakkan jalan-jalan sekitar kawasan-kawasan peneroka di Gedangsa, Kampung Suharto dan Sungai Tenggi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan-kawasan peneroka di Gendangsa, Kampung Suharto dan Sungai Tengi adalah di bawah seliaan Stesen Penguatkuasa JPJ Kalumpang. Walau bagaimanapun, operasi penguatkuasaan di kawasan tersebut juga turut dibantu oleh Stesen Penguatkuasa Ijok dan Stesen Penguatkuasa Kuala Selangor. Sepanjang bulan Januari sehingga Mei 2008 sebanyak 477 buah kenderaan berat (lori) telah diambil tindakan iaitu 146 kes bagi kesalahan lebih muatan, 167 kes bagi kesalahan memasuki jalan terhad dan 164 kes bagi kesalahan gagal mematuhi arah timbang dan kerosakan kenderaan.

NO. SOALAN : 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NORAH BT. ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : PUAN NORAH BT. ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) Bilangan projek Kerajaan Persekutuan yang telah dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) sehingga kini; dan
- (b) Jumlah keseluruhan bagi projek-projek Kerajaan persekutuan yang dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) sehingga kini.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHAROM**

Tuan Yang di- Pertua,

Buat masa ini terdapat 443 projek yang dibiayai menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiative* - PFI) sedang dalam pelbagai

peringkat pelaksanaan, manakala 1 projek telah siap dibina sepenuhnya. Jumlah keseluruhan siling terlibat adalah sebanyak RM13.824 bilion.

Berdasarkan maklumat daripada Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), terdapat 958 projek Kerajaan Persekutuan yang telah disenaraikan bagi pelaksanaan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiative* - PFI) dengan siling peruntukan berjumlah RM20 bilion.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN**  
**HAJI ABD. MUTTALIB**  
**(MARAN)**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah perkampungan Orang Asli di seluruh negara yang belum lagi mendapat kemudahan jalan tar, bekalan air dan bekalan api di luar bandar dan apakah pecahan perkampungan mengikut negeri.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sejumlah 876 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Di dalam pelaksanaan RMKe9, Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah diperuntukkan sejumlah RM358.1 juta untuk melaksanakan pelbagai program/ aktiviti pembangunan ke arah meningkatkan pendapatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli termasuk penyediaan kemudahan jalan tar, bekalan air dan bekalan api di perkampungan Orang Asli.

Berikut adalah senarai perkampungan Orang Asli yang belum lagi mendapat kemudahan jalan tar mengikut negeri:-

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG YG. TIADA JALAN</b>
1.	Johor	62	18
2.	Kedah	1	-
3.	Kelantan	139	104
4.	Melaka	14	3
5.	Negeri Sembilan	67	11
6.	Pahang	263	130
7.	Perak	253	163
9.	Selangor	74	9
10.	Terengganu	3	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>876</b>	<b>438</b>

Manakala kampung-kampung Orang Asli yang belum mendapat kemudahan bekalan air adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG YG. TIADA BEKALAN AIR</b>
1.	Johor	62	15
2.	Kedah	1	-
3.	Kelantan	139	-
4.	Melaka	14	-
5.	Negeri Sembilan	67	6
6.	Pahang	263	184
7.	Perak	253	39
9.	Selangor	74	23
10.	Terengganu	3	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>876</b>	<b>267</b>

Bagi kampung-kampung Orang Asli yang belum mendapat kemudahan bekalan elektrik adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG</b>	<b>JUMLAH KAMPUNG YG. TIADA BEKALAN ELEKTRIK</b>
1.	Johor	62	21
2.	Kedah	1	-
3.	Kelantan	139	49
4.	Melaka	14	1
5.	Negeri Sembilan	67	11
6.	Pahang	263	105
7.	Perak	253	128
9.	Selangor	74	19
10.	Terengganu	3	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>876</b>	<b>329</b>

Bagi memastikan keseluruhan kampung-kampung tersebut dilengkapi dengan kemudahan jalan, air dan elektrik sepenuhnya menjelang tahun 2010 JHEOA telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan sejumlah RM102 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)  
TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)

**SOALAN:**

**Datuk Richard Riot Anak Jaem (Serian)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan Kementerian jika ada untuk membantu persatuan-persatuan bola sepak peringkat negeri bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan mereka.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Belia dan Sukan belum ada perancangan untuk membantu persatuan-persatuan bola sepak peringkat negeri bagi mengatasi masalah kewangan mereka.
2. Walau bagaimanapun, KBS melalui MSN memberi sumbangan RM300,000 setahun bagi kos latihan pasukan kebangsaan dan RM3.5 juta bagi program pasukan bawah 19 tahun untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik 2012.

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)**

**SOALAN : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI  
GADING) Minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah  
usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian  
dalam memastikan industri penternakan lembu  
dan tenusu negara dapat berkembang.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi memastikan sektor pertanian termasuk penternakan sentiasa berkembang selaras dengan hasrat Negara menjadikan sektor pertanian sebagai sumber pertumbuhan ekonomi ketiga. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah

mengambil beberapa langkah bagi memastikan industri penternakan lembu terus berkembang seperti berikut:

### **1) Penternakan lembu secara integrasi dengan tanaman kekal**

Program penternakan lembu secara integrasi dijalankan oleh pihak perladangan, individu dan syarikat berkaitan kerajaan. Projek ini telah berjaya menghasilkan 167,712 ekor lembu dengan melibatkan 429,375 ha sawit di seluruh negara dengan pengeluaran daging sebanyak 4,020.8 mt daging lembu. Kini dengan keluasan sebanyak 4.3 juta sawit telah diteroka, dijangka 2.5 juta ha sawit mampu mengembangkan induk sebanyak 625,000 ekor yang mana mampu mengeluarkan 34,722.2 mt daging lembu. Bagi tujuan ini, projek KTS telah diwujudkan bermula tahun 1983 lagi yang kini berjumlah 27 buah bagi menyokong program di atas. 2 projek baru akan diwujudkan pada akhir RMK – 9 dan sebanyak 8 pejabat zon bagi kesemua projek ini

### **2) Pembangunan Program Fidlot Nasional**

Projek di Jelai – Gemas Negeri sembilan yang telah dibangunkan melibatkan 1 integrator sebagai 'anchor' dan diikatkan dengan ladang-ladang kontrak di seluruh negara. Pembangunan projek ini melibatkan 5 fasa iaitu pembangunan infraskruktur, perlantikan konsultan, pembangunan ladang NAF, pembentukan NFC dan ladang satelit. Projek ini dijangka menghasilkan 50% dari

pengeluaran daging negara menjelang 2015 dengan pengeluaran sebanyak 50,790 mt daging setahun dengan nilai RM 609.50 juta.

### **3) Transformasi penternak.**

Penternak - penternak kecil di negeri telah dan terus dikenalpasti untuk dikembangkan ke tahap komersil. Seramai 12,252 penternak lembu telah dikenalpasti di seluruh negara. Mereka akan dibangunkan menerusi program yang sedia ada seperti Program Pengembangan Veterinar, '*Field Day*', latihan dan kursus keusahawanan, program kesihatan gerompok dan lawatan terancang berjadual yang diadakan dengan kerap oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

### **4) Pembangunan ternakan di lokasi strategik**

Disebabkan masalah projek yang dihipit oleh penempatan manusia serta tidak sesuai di lokasi lama. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri melaksanakan program Translokasi di kawasan - kawasan yang sesuai seperti padang ragut Jabatan dan di projek TKPM.

### **5) Pembangunan Projek Sosio – Ekonomi**

Beberapa projek berbentuk sosioekonomi telah dibangunkan yang memberikan penekanan kepada industri lembu pedaging antaranya ialah projek Seberang Perai Utara (SPU), Projek Kerbau Langkawi, Projek Khas Pagoh dan Projek Khas Pekan

Manakala langkah-langkah yang dilaksanakan bagi memastikan industri penternakan lembu tenusu negara berkembang adalah seperti berikut:-

### **1) Transformasi Penternak**

Pendekatan jabatan ialah mengenalpasti penternak kecil yang berpotensi ditransformkan ke semi-komersil atau semi-komersil ke komersil melalui penilaian ladang , membantu mendapat ternakan contohnya bagi tahun ini lembu dara sebanyak 1,000 ekor akan dijual dengan harga subsidi kepada penternak tenusu yang layak selepas dibuat pemilihan.

### **2) Heifer's Park**

Mewujudkan Heifer's Park di dua (2) buah negeri iaitu Melaka dan Kedah. Bagi tahun 2009 dicadangkan negeri Kelantan bergantung kepada peruntukan. Konsep Projek Heifer's Park ialah membeli dan memelihara anak betina yang berumur enam (6) bulan ke atas dipelihara sehingga dewasa dan dibuntingkan sebelum dijual kepada penternak tenusu oleh pengusaha Heifer's Park.

### **3) Pemindahan Teknologi Baru.**

Pemindahan teknologi baru melalui Latihan-insitu, Lawatan Sambil Belajar dan "Dinner's Talk" kepada penternak tenusu contoh sebanyak RM 82,000.00 telah diperuntukkan bagi tahun 2007.

#### **4) Dairy Colony**

Penubuhan 'Dairy Colony' di bawah peruntukkan negeri atau Persekutuan di mana penternak tenusu dibuat penempatan semula, pembiayaan yang disalurkan ialah bahan binaan infrastruktur kandang, mesin perah susu jenis mudahalih dan kemudahan lain lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH: 8 JULAI 2008**

**SOALAN:**

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi bayaran yang akan diberikan kepada Tun Salleh Abbas dan hakim-hakim yang dilucut jawatannya pada tahun 1988 walhal Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengaku di Dewan Rakyat bahawa Kerajaan tidak bersalah ketika itu dan dari peruntukan Kementerian, manakah bayaran ini akan dibuat.

**JAWAPAN**

Bayaran "ex-gratia" yang diberikan kepada Tun Salleh Abas dan hakim-hakim yang dinyatakan adalah sebagai penghargaan kepada hakim-hakim tersebut atas khidmat dan pengorbanan mereka kepada negara. Meskipun Kerajaan tidak salah dari segi undang-undang, tidak dapat dinafikan bahawa peristiwa

kehakiman pada tahun 1988 telah membawa implikasi yang besar terhadap hakim-hakim tersebut dan badan kehakiman negara secara umumnya.

Bayaran tersebut dibuat daripada Bahagian Pecen, Kementerian Kewangan.

*SULIT*

**NO SOALAN : 68**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI  
MOHAMAD GHAZALI  
(TITIWANGSA)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kajian yang telah dibuat untuk menilai keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sila senaraikan hasil-hasil kajian tersebut.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kejayaan peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dinilai berpandukan kepada kaji selidik bagi setiap kumpulan pelatih yang telah selesai menjalani latihan. Kaji selidik berdasarkan soalan-soalan berbentuk kognitif (pemikiran), afektif (perasaan) dan psikomotor (perlakuan) telah menunjukkan objektif PLKN telah tercapai. Pencapaian terkini adalah seperti berikut:**

- a. Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara yang dilaksanakan melalui aktiviti pendedahan mengenai sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan dalam sesebuah negara menunjukkan pencapaian 83 peratus.**
- b. Memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan karakter yang merupakan teras kepada keperibadian unggul dan integriti telah menunjukkan pencapaian 90 peratus.**

*SULIT*

- c. **Mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui kerja-kerja gotong royong, pemuliharaan alam sekitar dan lawatan ke rumah anak yatim serta orang tua menunjukkan pencapaian sebanyak 84 peratus.**
  
- d. **Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik memperolehi pencapaian 88 peratus.**

**Di samping kaji selidik, maklumbalas yang diterima dari ibubapa dan orang awam juga telah menunjukkan sokongan yang baik terhadap program ini sehingga terdapat peningkatan penyertaan secara sukarela, iaitu seramai 929 dalam tahun 2007 dan 1,137 dalam tahun 2008 (untuk dua pengambilan).**

*SULIT*

**NO SOALAN : 69**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED SAID  
(KUALA KRAU)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengukur kejayaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi mencapai objektif program ini.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Kejayaan peserta-peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dinilai berpandukan kepada kaji selidik bagi setiap kumpulan pelatih yang telah selesai menjalani latihan. Kaji selidik berdasarkan soalan-soalan berbentuk kognitif (pemikiran), afektif (perasaan) dan psikomotor (perlakuan) telah menunjukkan objektif PLKN telah tercapai. Pencapaian terkini adalah seperti berikut:**

- a. Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara yang dilaksanakan melalui aktiviti pendedahan mengenai sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan dalam sesebuah negara menunjukkan pencapaian 83 peratus.**
- b. Memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan karakter yang merupakan teras kepada keperibadian unggul dan integriti telah menunjukkan pencapaian 90 peratus.**

- c. **Mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui kerja-kerja gotong royong, pemuliharaan alam sekitar dan lawatan ke rumah anak yatim serta orang tua menunjukkan pencapaian sebanyak 84 peratus.**
  
- d. **Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik memperolehi pencapaian 88 peratus.**

**Di samping kaji selidik, maklumbalas yang diterima dari ibubapa dan orang awam juga telah menunjukkan sokongan yang baik terhadap program ini sehingga terdapat peningkatan penyertaan secara sukarela, iaitu seramai 929 dalam tahun 2007 dan 1,137 dalam tahun 2008 (untuk dua pengambilan).**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
[SEGAMPUT]**

**TARIKH : SELASA, 8 JULAI 2008**

**RUJUKAN : 20**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah tarikh akhir (*deadline*) untuk mencapai "*Zero Squatter*" di kawasan Segambut dan apakah rancangan Kementerian secara terperinci sehubungan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, jumlah setinggan yang masih ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada masa ini berjumlah 10,531 keluarga. 7,049 keluarga terbabit menduduki tanah kerajaan/agensi kerajaan dan 3,482 keluarga yang lain menduduki tanah milik persendirian. Daripada jumlah ini, sebanyak **630**

**keluarga yang melibatkan 7 kampung setinggan berada di Parlimen Segambut** di mana 461 keluarga setinggan menduduki tanah milik persendirian dan 169 keluarga yang lain menduduki tanah kerajaan/milik kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya memberi tumpuan pemindahan setinggan-setinggan yang menduduki tanah kerajaan/milik kerajaan sahaja. Manakala untuk tanah milik persendirian, adalah menjadi tanggungjawab pemilik-pemilik tanah untuk menyelesaikan masalah setinggan di tanah milik mereka.

Semua setinggan di Kuala Lumpur, termasuk di Parlimen Segambut, yang tinggal di atas tanah milik kerajaan akan dipindahkan ke PPR MTEN. Jumlah rumah PPR yang masih kosong pada masa ini ialah 5,814 unit dan sebanyak 5,660 unit lagi dijangka akan diterima pada bulan Ogos 2008.

Berdasarkan kepada 11,474 unit rumah PPR MTEN yang masih kosong dan yang bakal diserahkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yakin dan percaya akan dapat menempatkan kesemua 7,049 keluarga setinggan yang menetap di atas tanah kerajaan/milik kerajaan. Justeru, sasaran setinggan sifar di Kuala Lumpur, termasuk di Parlimen Segambut, akan dapat dicapai pada akhir tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam urusan pemindahan setinggan di Kuala Lumpur, DBKL sedia maklum bahawa usaha pemindahan setinggan-setinggan ini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak sama ada pemimpin masyarakat setempat, penduduk setinggan dan pihak kerajaan. Dalam urusan pemindahan setinggan di kawasan Parlimen Segambut, keluarga yang terbabit perlu berpindah keluar dari Parlimen Segambut (tetapi masih di dalam Kuala Lumpur) berikutan tiada PPR MTEN yang dibina di kawasan Parlimen Segambut.

Oleh itu, DBKL berharap para setinggan di kawasan Parlimen Segambut dapat menerima tawaran ke PPR MTEN yang telah ditetapkan oleh DBKL supaya **Sasaran Setinggan Sifar 2008** dapat dicapai. Di samping itu, setinggan-setinggan yang berpindah ke PPR MTEN akan dapat menikmati kemudahan kediaman yang lebih selesa dan sempurna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT KEDUABELAS**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**PERTANYAAN** : Jawab Lisan  
**DARIPADA** : Tuan Lim Kit Siang  
**TARIKH** : SELASA, 8 JULAI 2008

**SOALAN** : Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan di ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyokong pendapat masyarakat antarabangsa untuk meminta supaya junta tentera Myanmar melepaskan Pemenang Keamanan Nobel, Aung San Suu Kyi tanpa syarat dengan serta-merta.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Permatang Pauh dan Y.B. Ipoh Timur atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang Di Pertua untuk menjawab secara serentak soalan yang telah dikemukakan oleh Y.B. Ipoh Timur pada 5 Julai 2008 memandangkan soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama.

2. Malaysia berasa kesal dengan tindakan Kerajaan Myanmar melanjutkan penahanan Aung San Suu Kyi untuk tempoh setahun lagi. Malaysia dan ASEAN berpegang kepada pendirian bahawa Aung San Suu Kyi perlu dibebaskan dan dilibatkan dalam proses pendemokrasian negara tersebut. Malaysia dan juga bersama-sama dengan ASEAN akan terus menggesa Kerajaan Myanmar supaya Aung San Suu Kyi dapat mengambil bahagian dalam proses pendemokrasian tersebut.

3. Dalam hal ini, kita harus menggunakan pendekatan yang bijak dan sesuai supaya kita dilihat tidak mencampuri hal ehwal dalaman Myanmar ataupun melanggar kod etika hubungan sesama negara ASEAN.

## **UPDATE ON DEVELOPMENT IN MYANMAR**

### **Cyclone Nargis**

As of 1 June 2008, the death toll caused by Cyclone Nargis was reported to be 77,730 while 55,917 were reported missing. The Myanmar Government estimated the economic loss to be USD10.7 billion.

2. The Myanmar Government continues to maintain control over the entry of foreign aid/relief workers into the country albeit not as strict as before. The Myanmar Government has remained steadfast of its position not to lift the visa requirement for foreign aid workers into the country.

3. Following the Special Meeting of the ASEAN Foreign Ministers in Singapore on 19 May 2008 and the ASEAN-UN International Pledging Conference in Yangon on 25 May 2008, the Myanmar Government had agreed to allow more foreign aid workers into Myanmar including medical teams from ASEAN countries. The backlog of UN visa requests has also been cleared. In most cases, the visas only allowed for two weeks stay in Myanmar. Although the visa can be extended, some agencies such as UNICEF, are finding the two weeks stay an impediment to carrying out their work effectively.

4. The ASEAN Humanitarian Task Force, which has been established following the Special ASEAN Foreign Ministers Meeting is now operating in Myanmar. As agreed by the ASEAN-UN Pledging Conference in Yangon, the work of the Task Force is supported by a Tripartite Core Group (TCG) which acts as a working mechanism for coordinating, facilitating and monitoring the flow of international assistance into Myanmar. The TCG consists of representatives of the Myanmar Government (Deputy FM, DG of Relief & Resettlement and DG of Social Welfare),

ASEAN (ASEAN Chairman, ASEAN Secretariat) and the United Nations (UN Resident Coordinator, the UNFPA representative, and alternate representative from relevant UN agency).

5. The work of the TCG now focuses on trouble shooting and problem solving of issues to facilitate the delivery and distribution of humanitarian assistance. These issues include the issuance of visas for relief workers expeditiously, access to the delta areas, using additional helicopters belonging to the World Food Programme to help distribute relief supplies quickly and efficiently, reports of eviction of the cyclone victims from their shelters and camps and reports of pilferage and diversion of relief supplies.

6. On 10 June 2008, the Myanmar Government introduced a new guideline for carrying out humanitarian assistance programmes to victims of Cyclone Nargis. International aid agencies had expressed concern over the new guideline which would require them to prepare a lot of paper work and make numerous contacts with the national and local authorities before any approval could be given to them. As such, the guideline is seen as impeding the speedy delivery of humanitarian aid to the affected areas. Nevertheless, the Myanmar Government has given its assurance that the approval process would not create delays in the work of the international aid agencies. The issue is being looked into by the TCG.

#### Malaysia's Assistance to Myanmar

7. The Malaysian Government had contributed USD1 million in cash in addition to RM500,000 worth of relief items to Myanmar, which included water purification tablets, blankets, food, medicines and tents. In addition, several state governments, relief agencies, NGOs and private sector from Malaysia had also contributed to the victims of Cyclone Nargis through the Myanmar Government.

8. Following the decision reached at the Special ASEAN Foreign Ministers Meeting, Malaysia will be deploying a team of 40 medical personnel to Myanmar. They will be in Myanmar between 2 to 4 weeks.

## **National Referendum**

9. On 31 May 2008, the Myanmar Government announced that the new Constitution had been approved by the people through the referendum held on 10 May and 24 May 2008. On 3 June 2008, Senior General Than Shwe, Chairman of the State Peace and Development Council (SPDC) ratified the State Constitution of Myanmar.

10. The opposition parties in Myanmar, namely, the National League for Democracy (NLD), the Shan Nationalities League for Democracy (SNLD) and the New Mon State Party (NMSP), rejected the referendum results. They claimed that the referendum was neither free nor fair and lacked credibility.

11. Some countries claimed the referendum was conducted under the "climate of intimidation" with widespread voting irregularities and fraud in most polling stations in the respective divisions. However, some foreign diplomats who were allowed to observe some of the polling locations were of the view that the referendum had been conducted in a relatively free and fair manner. There was no sign of coercion by the authorities or pro-government groups during the polling although the possibility that everything that the foreign diplomats saw was 'stage managed' by the authorities could not be ruled out.

## **Detention of Aung San Suu Kyi**

12. Under Article 10 of the 1975 State Protection Law, ASSK was supposed to be released on 25 May 2008 because her five-year detention should have ended on that day. However, on 27 May 2008, the Myanmar Government decided to extend her house arrest for another year. In justifying its decision, the Myanmar Government said ASSK had been in contact with rebel guerrillas and foreign governments and she had received financial aid from those groups. Her house arrest would "prevent" her from committing similar "crimes" in the future.

## **Malaysia's Position**

13. We regret the decision of the Myanmar Government to extend the detention of Aung San Suu Kyi for another year. Malaysia will continue to press the Myanmar Government to release Aung San Suu Kyi and all other political prisoners. Malaysia has always expressed the view that the national reconciliation and democratic process in Myanmar should be inclusive and involve all stakeholders.

14. We are fully aware of the controversies surrounding the results of the national referendum. ASEAN countries, individually and collectively, have always urged Myanmar to show tangible progress in the implementation of its Roadmap. The outcome of the referendum should be seen as a crucial and significant step forward progress made by the Myanmar Government.

15. The Myanmar Government should be encouraged to proceed further with its political reforms rather than being criticized by the international community. Rejection of the results of the referendum by the international community could undo the whole democratisation process in Myanmar. The Myanmar leadership might decide to redraft the whole constitution all over again which could take another 15 years or more to complete.

16. On sanctions against Myanmar, Malaysia and ASEAN have always maintained that such punitive measures will not be effective and that they will be counterproductive in trying to pressure political change in Myanmar. On this point, we note that the European Commission has realized the failure of such measure. According to the EU Special Envoy for Myanmar, Piero Fassino, sanctions apparently have not brought much impact on Myanmar's military regime. This is because the military regime in Myanmar is actually fearful of opening up the country. Sanctions, which in effect are isolating Myanmar from the rest of the world, are only strengthening the military regime's isolationist policy.

17. Malaysia is of the view that assisting the people of Myanmar on their path to sustainable development is crucial to promote political and economic changes in Myanmar. In this regard, both ASEAN and the international community could utilize the existing mechanisms within ASEAN to come up with common strategies in

addressing the current humanitarian crisis in Myanmar as well as the issue of democracy and human rights.

18. Myanmar's preference for ASEAN to play the lead role in coordinating international humanitarian assistance to the country shows that ASEAN remains relevant in engaging Myanmar, particularly in providing the latter with support and assistance in its transitional process towards national reconciliation and democracy.

19. We remain supportive of the role of Ibrahim Gambari, UNSG Special Advisor on Myanmar, to find a sustainable political solution in Myanmar. We believe Gambari has achieved some significant progress in persuading and making the Myanmar Government understand the necessity and advantages of cooperating with the UN. In this regard, we feel Gambari should continue to receive the full support of the international community in engaging Myanmar.

**CLMV and Oceania Division (CLMVO)  
Ministry of Foreign Affairs  
Putrajaya**

**8 July 2008**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ISMAIL BIN KASIM (ARAU)** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah program-program kursus dalam perkhidmatan yang dirancang oleh Kementerian bagi meningkatkan profesionalisme guru, selaras dengan hasrat Kementerian iaitu bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, tetapi juga memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan profesionalisme guru-guru sentiasa berada pada tahap memuaskan agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. KPM sentiasa menyelia dan memantau prestasi guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah. Berdasarkan pemantauan tersebut, KPM telah melaksanakan beberapa kursus peningkatan tahap kecekapan pengajaran dan pembelajaran (P&P), memberi khidmat nasihat dan bimbingan untuk peningkatan proses P&P serta mengadakan Program Latihan dalam Perkhidmatan.

Program-program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dirancang oleh KPM bagi meningkatkan profesionalisme guru terbahagi kepada:

- **Kursus Peningkatan Akademik:**
  - Program Pensarjanaan
    - Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)
    - Program Pensarjanaan Tenaga Pengajar IPG/BPG
  - Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
  - Pensiswazahan Guru Sekolah Pedalaman
  - Program Jarak-Jauh KPM-OUM (PJJ KPM-OUM)
  
- **Kursus Peningkatan Profesionalisme:**
  - Kursus Satu Tahun Sijil Perguruan Khas (KSPK)
  - Kursus 14 Minggu
  - Kursus 6 Minggu/Kursus 4 Minggu/Kursus 2 Minggu
  
- **Kursus-Kursus Khas :**
  - Kursus First Steps – peningkatan profisiensi Bahasa Inggeris di kalangan guru
  - Kursus Intervensi Menangani Masalah Membaca dan Menulis (KIA2M)
  - Kursus Kurikulum Asli dan Penan
  - Kursus Pemulihan
  - Kursus Untuk Tenaga Pengajar Kelas Dewasa Ibu Bapa Asli dan Penan
  - Program 'School-base' yang dibuat semasa Hari Profesional yang dilaksanakan di setiap sekolah.

Selain daripada itu, Jabatan/Bahagian di KPM, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah turut menjalankan kursus jangka pendek dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan untuk meningkatkan profesionalisme dan tahap kompetensi guru.

SOALAN NO : 70-73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN SERI DR. WAN AZIZAH  
BINTI WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN :

DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH] MINTA MENTERI KERJA  
RAYA MENYATAKAN SETAKAT MANAKAH  
KEKUATAN DAN KESEDIAAN BANGUNAN-  
BANGUNAN TINGGI TERUTAMANYA BANGUNAN  
BERKEMBAR KLCC MENGHADAPI GEGARAN  
BUMI YANG KERAP BERLAKU SEKARANG.

ADAKAH FENOMENA INI BARU ATAU  
SEMEMANGNYA NEGARA BERADA DALAM  
LALUAN RETAKAN BUMI YANG BOLEH  
MENGAKIBATKAN GEMPA BUMI.

**JAWAPAN:**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, BANGUNAN BERKEMBAR KLCC TELAH DIREKABENTUK UNTUK MENAHAN DAYA GEGARAN GEMPA BUMI DENGAN MENGAMBILKIRA KEPERLUAN-KEPERLUAN DAN CIRI-CIRI REKABENTUK BERPANDUKAN KEPADA KOD PIAWAIAN REKABENTUK AMERIKA SYARIKAT (UBC). REKABENTUK BANGUNAN INI TELAH DIBANDINGKAN DENGAN KEPERLUAN STATIK MENGIKUT PIAWAIAN BRITISH. SETELAH DIBANDINGKAN DIDAPATI KEPERLUAN STATIK ADALAH LEBIH KONSERVATIF DARIPADA KEPERLUAN DAYA GEMPABUMI. SEMUA BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI DI MALAYSIA DIREKABENTUK MENGIKUT KEPERLUAN PIAWAIAN BRITISH.**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUGA TELAH MENJALANKAN KAJIAN KETAHANAN DAYA BANGUNAN TERSEBUT DARI GEGARAN GEMPA BUMI MENGIKUT KEDUDUKAN KUALA LUMPUR YANG TERLETAK DI KAWASAN GEMPABUMI YANG RENDAH. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, ADALAH DIDAPATI BAHAWA BANGUNAN KLCC TIDAK AKAN MENGALAMI MASALAH BESAR SEKIRANYA BERLAKU GEGARAN-GEGERAN SEBAGAIMANA YANG BERLAKU PADA MASA KINI.

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, BERHUBUNG DENGAN PERTANYAAN YANG BERKAITAN SAMADA FENOMENA GEMPA BUMI INI BARU ATAU SEMEMANGNYA NEGARA BERADA DALAM LALUAN RETAKAN BUMI, MAKA INGIN SAYA MAKLUMKAN DI DEWAN

**YANG MULIA INI BAHAWA MALAYSIA TERLETAK DI KAWASAN YANG BERHAMPIRAN DENGAN KAWASAN PERTEMBUNGAN DI ANTARA *PLATE-PLATE TECTONIC* YANG AKTIF SEPERTI *EURASIAN PLATE*, *PHILIPPINE PLATE* DAN *INDIAN-AUSTRALIAN PLATE*, DAN KEJADIAN GEMPA BUMI BIASANYA KERAP BERLAKU DI SEPANJANG KAWASAN PERTEMBUNGAN DI ANTARA *PLATE-PLATE TECTONIC* INI. BERIKUTAN ITU, GEGARAN-GEGARAN YANG BERLAKU AKIBAT DARIPADA KEJADIAN GEMPA BUMI INI BERKEMUNGKINAN BOLEH DIRASAI JUGA DI NEGARA KITA MALAYSIA. SEBAGAI CONTOH, DALAM BEBERAPA TAHUN YANG LEPAS, KEJADIAN GEMPA BUMI YANG KUAT TELAH BERLAKU DI KAWASAN BARAT SUMATERA YANG BOLEH DIRASAI DI NEGERI-NEGERI PANTAI BARAT SEMENANJUNG.**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**SELAIN DARIPADA ITU, DI SEMENANJUNG MALAYSIA JUGA TERDAPAT GARIS-GARIS SESAR YANG BOLEH DIKATEGORIKAN SEBAGAI YANG TIDAK AKTIF ATAU YANG HANYA BOLEH MENYEBABKAN GEMPA BUMI YANG BERSKALA KECIL SAHAJA. NAMUN, BERDASARKAN REKOD PEMANTAUAN GEMPA BUMI OLEH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI), SEMUA KEJADIAN GEMPA BUMI YANG BERLAKU DI KAWASAN GARIS SESAR INI ADALAH BERMAGNITUD KURANG DARI 5.0 PADA SKALA RICHTER. BAGI KAWASAN DI NEGERI SABAH DAN TIMUR SARAWAK, MASIH TERDAPAT BEBERAPA GARIS SESAR YANG SEDERHANA AKTIF DAN BOLEH MENYEBABKAN KEJADIAN GEMPA BUMI YANG KECIL HINGGA SEDERHANA, IAITU**

**GEMPA BUMI YANG BERMAGNITUD KURANG DARI 6.0 PADA SKALA RICHTER.**

**DARI SEGI KEKUATAN GEGARAN YANG DIRASAI, IAITU MODIFIED MERCALLI SCALE, ADALAH BERSKALA 6 DI KAWASAN PANTAI BARAT SEMENANJUNG, KAWASAN TIMUR SARAWAK DAN BARAT SABAH. MANAKALA DI KAWASAN TIMUR SABAH KEKUATAN GEGARAN ADALAH PADA SKALA 7. INI ADALAH BERDASARKAN KEPADA KAJIAN SEMULA PETA SEISMO TEKTONIK OLEH JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS PADA TAHUN 2006 DI BAWAH KAJIAN BAHAYA DAN RISIKO GEMPA BUMI DAN TSUNAMI.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI  
(BATU PAHAT)  
TARIKH : 8 JULAI 2008 (SELASA)

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi (Batu Pahat)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kos persiapan Malaysia menghadapi Sukan Olimpik Beijing 2008, berapa ramai jurulatih luar yang terlibat dan nyatakan negara mereka. Berapakah jumlah pingat yang menjadi sasaran kontinjen Malaysia.

**JAWAPAN**

1. Perbelanjaan Kerajaan bagi menghadapi Sukan Olimpik Beijing 2008 ialah sebanyak RM9,369,971 bagi 11 jenis sukan dan 194 atlet.
2. Bilangan jurulatih luar negara yang terlibat ialah sebanyak 8 orang daripada 17 jurulatih keseluruhannya.
3. KBS/MSN mensasarkan sekurang-kurangnya 1 pingat sama ada emas, perak dan gangsa. Harapan utama bergantung kepada pemain perseorangan badminton iaitu Lee Chong Wei.

75  
SOALAN NO : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD  
RAMLI  
[KUALA KRAI]

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN :

DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI]  
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN:

(A) BILAKAH KERJA PEMBAIKAN JALAN UTAMA

KE PEKAN DABONG YANG RUNTUH AKIBAT BANJIR 2005 AKAN DISELESAIKAN; DAN

(B) APAKAH LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN BAGI MENCEGAH LEBIH BANYAK KEJADIAN JALAN RUNTUH SEMASA MUSIM HUJAN DI KAWASAN TERSEBUT.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,**

**A) JALAN UTAMA KE PEKAN DABONG IAITU JALAN SUNGAI SAM – DABONG (FT066) SEBENARNYA TELAH MENGALAMI KEGAGALAN CERUN SEMASA MUSIM TENGGUJUH PADA DISEMBER 2007 DAN BUKANNYA PADA TAHUN 2005 SEPERTI YANG DITANYA OLEH YANG BERHORMAT. KEGAGALAN CERUN TELAH BERLAKU DI 2 LOKASI IAITU DI SEKSYEN 18 -19 DAN SEKSYEN 42.9 – 43.**

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEROSAKAN TERSEBUT TELAH DIMASUKKAN DALAM PROGRAM PEMBAIKAN KEROSAKAN INFRASTRUKTUR JALAN AKIBAT BANJIR 2008**

**DENGAN ANGGARAN BERJUMLAH RM1 JUTA  
DAN RM 1.2 JUTA MASING-MASING.**

**REKABENTUK KERJA-KERJA PEMBAIKAN  
TERSEBUT TELAH DISIAPKAN OLEH PERUNDING  
DAN KINI DALAM PERINGKAT AKHIR  
PENYEDIAAN DOKUMEN KONTRAK. KERJA-  
KERJA FIZIKAL DIJANGKA SIAP PADA AKHIR  
JANUARI 2009.**

**(B) BERKAITAN LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH  
KEJADIAN JALAN RUNTUH DI MUSIM  
TENGGUJUH, KEMENTERIAN SENTIASA  
MELAKSANAKAN PEMANTAUAN JALAN RAYA  
BULANAN SECARA RUTIN DI SEPANJANG JALAN  
PERSEKUTUAN BAGI MENGENALPASTI TANDA-  
TANDA KEROSAKAN JALAN.**

DI SAMPING ITU, KEMENTERIAN TURUT MENGADAKAN PEMERIKSAAN MANDATORI CERUN PADA SETIAP BULAN MAC (KEBIASAANNYA SELEPAS MUSIM TENGGUJU) DAN BULAN SEPTEMBER (KEBIASAANNYA SEBELUM MENGHADAPI MUSIM TENGGUJU). SEBAGAI PERSEDIAAN KHUSUS MENGHADAPI MUSIM TENGGUJU, KEMENTERIAN JUGA MENGADAKAN PEMERIKSAAN TAMBAHAN PADA BULAN OKTOBER ATAU NOVEMBER BAGI MEMASTIKAN TIADA LOKASI YANG BERISIKO MENGALAMI KEGAGALAN.

KEMENTERIAN JUGA SEDANG MELAKSANAKAN KAJIAN BAGI MENGENALPASTI JALAN-JALAN YANG BERISIKO DITENGGELAMI AIR KETIKA MUSIM TENGGUJU. MELALUI KAJIAN INI, KEMENTERIAN BERHARAP AGAR JALAN-JALAN YANG DIKENALPASTI DAPAT DINAIKKAN ARAS

**SUPAYA TIDAK BERLAKUNYA KEJADIAN PUTUS HUBUNGAN SEMASA MUSIM BANJIR.**

**ADALAH DIHARAPKAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN INI DAPAT MENGURANGKAN IMPAK KEJADIAN BENCANA SEPERTI TANAH RUNTUH DAN BANJIR WALAUPUN IANYA MUNGKIN TIDAK DAPAT MENGHALANGNYA DARIPADA TERUS BERLAKU PADA MASA AKAN DATANG.**

SOALAN NO: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1114**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil kajian terhadap permintaan pekerja asing di negara kita.

## **JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 8.7.2008**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil kajian keperluan pekerja asing telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing pada 30 Jun 2008. Berdasarkan input-input yang dikemukakan, Kerajaan berpendapat perlunya satu pendekatan secara holistik diambil bagi memastikan pengurangan pergantungan terhadap pekerja asing ini dapat direalisasikan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Satu kajian lebih lanjut dan menyeluruh akan dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pengurusan pekerja asing disamping mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pihak industri, sektor swasta dan juga NGO. Sekiranya perancangan ini berjalan lancar, kajian tersebut dijangka dapat dibentangkan sebelum akhir tahun ini dengan mendapat kerjasama dan pandangan yang menyeluruh daripada semua pihak.

**SIDANG DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**Daripada : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[Putatan]**

**Tarikh : 8 Julai 2008**

**Soalan : 77**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah jenis kajian yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam mempelbagaikan hasil perubatan negara misalnya gamat, belangkas (*horse shoe crab*), lintah, cacing, ikan haruan, dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun haiwan-haiwan yang dinyatakan seperti gamat, belangkas (*horse shoe crab*), lintah, cacing, ikan haruan dan lain-lain telahpun diwar-warkan oleh berbagai pihak sebagai mempunyai nilai perubatan dan farmaseutikal yang bermanfaat kepada manusia, namun pada masa ini, Kementerian masih belum membiayai sebarang penyelidikan yang menjurus kepada penyelidikan lanjutan untuk

mengenalpasti aspek, elemen, dan potensi perubatan haiwan-haiwan tersebut. Projek R&D yang dijalankan dan dibiayai sebelum ini lebih memberi tumpuan kepada mengenalpasti bahan aktif yang ada pada haiwan-haiwan tersebut bagi mengkaji dan menentusahkan dakwaan yang sering dibuat oleh pengamal perubatan tradisional akan khasiat perubatan daripada haiwan-haiwan tersebut. Hasil penemuan tersebut selalunya dikomersilkan sebagai bahan pemakanan tambahan (*food supplement*) atau neutraseutikal (kosmetik) dan bukannya sebagai bahan perubatan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan industri perubatan tradisional negara yang berasaskan gamat pada hari ini didapati semakin mendapat tempat sedangkan sumber gamat sedia ada adalah semakin terhad, maka aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dijalankan untuk :

- 1) Membiak dan menternak gamat supaya sumber bahan ini terjamin untuk keperluan perubatan pada masa hadapan;
- 2) Menerokai khasiat kesihatan yang boleh diperolehi daripada gamat dengan melakukan ujian klinikal untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengamal perubatan. Kajian juga perlu melibatkan gamat daripada spesies lain yang masih belum dikaji; dan
- 3) Menghasilkan produk-produk perubatan setelah melalui kajian klinikal yang ditetapkan.

Bagi tujuan ini, pada awal tahun ini, Institut Agrobioteknologi Kebangsaan, MOSTI telah mengambil inisiatif untuk menjalankan R&D mengenai aspek pembiakan dan penternakan gamat. Sebanyak RM3 juta telah diperuntukan

bagi tujuan ini; yang mana hasil kajian yang dijalankan dijangka akan hanya diperolehi selepas tiga (3) tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R.SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 JULAI 2008 ( SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**YB. Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang berunding dengan SYABAS supaya menghapus atau menurunkan caj penyambungan semula daripada RM50 kepada harga yang berpatutan memandangkan inflasi yang tinggi sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kini sedang membuat kajian untuk menghasilkan satu **Kaedah Bekalan Air dan Peraturan Fi dan Caj** yang baru untuk diseragamkan pemakaiannya di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar caj pemotongan dan penyambungan semula ini adalah antara beberapa caj yang akan disemak semula dalam kajian ini supaya ia munasabah dan mampu dibayar oleh pengguna.

Di bawah seksyen 89 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), operator-operator air dibenarkan untuk mengenakan caj pemotongan dan penyambungan semula sekiranya pengguna tersebut gagal menjelaskan bil air dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan pemotongan ini masih lagi wajar bagi memastikan pengguna-pengguna juga menunaikan obligasinya untuk menjelaskan bil perkhidmatan air. Walau bagaimanapun, pemotongan bekalan air adalah langkah terakhir yang akan diambil oleh operator-operator air kepada pengguna yang tidak menjelaskan bil air.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh sebab banyak peralatan dan perisian untuk pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris telah lapuk contohnya Sistem Pengoperasian (OS) diganti oleh Vista. Berapakah belanjanya (secara keseluruhannya) setiap tahun daripada 2002 sehingga tahun 2007 dan peruntukan untuk 2008 (dengan butiran terperinci).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2002 hingga 2007 secara keseluruhannya Kementerian Pelajaran Malaysia telah berbelanja sejumlah RM2.69 bilion untuk peralatan dan perisian bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Manakala bagi tahun 2008, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM308.9 juta bagi pembekalan peralatan ICT, pembelian perisian ICT latihan dalam perkhidmatan untuk guru dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008 (ISNIN)**  
**NO. PERTANYAAN : 80**

**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di kawasan-kawasan Parlimen luar bandar seperti Parlimen Silam, memandangkan dengan tiadanya institusi pengajian tinggi ataupun kemahiran di kawasan-kawasan ini, lantas menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan warganya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sama ini, negeri Sabah telah mempunyai 3 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Malaysia Sabah kampus Kota Kinabalu dan Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Kota Kinabalu dan Tawau dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cawangan Sabah. Terdapat juga sebuah politeknik iaitu Politeknik Kota Kinabalu dan 2 buah Kolej Komuniti iaitu Kolej

Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Cawangan Semporna. Di Sabah juga terdapat sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf universiti iaitu Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (IUCCT) dan 23 buah IPTS bukan bertaraf universiti.

Dalam tempoh RMKe-9, sebuah lagi politeknik akan dibina di Sandakan dan 5 buah Kolej Komuniti akan dibina di Semporna, Kota Marudu, Sipitang, Ranau dan Kota Belud. Penubuhan Kolej Komuniti di Parlimen Silam tidak terdapat di dalam senarai pembinaan Kolej Komuniti baru di bawah RMKe-9. Walau bagaimanapun, penubuhan Kolej Komuniti Silam mungkin boleh dipertimbangkan pada masa hadapan bergantung kepada keperluan semasa.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)**  
**TARIKH : 8.7.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar pihak Kementerian mengarahkan pengurusan sekolah agar tidak menjemput wakil rakyat dari Pakatan Rakyat untuk sebarang Majlis. Jika ya, apakah rasional sebaliknya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan kepada tetamu Kehormat ke majlis-majlis rasmi di sekolah. Surat Pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh KPM berhubung perkara ini adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar* bertarikh 31 Mac 2008.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis rasmi di sekolah seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu, hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATO' SERI FONG CHAN ONN  
(ALOR GAJAH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 08.07.2008**

**YB Dato' Seri Fong Chan Onn** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan untuk "internationalise" Ringgit supaya memperkukuhkan lagi imej negara sebagai pusat kewangan antarabangsa, memandangkan Malaysia sudah pun mengatasi masalah berikutan krisis kewangan 1997 dan kini mempunyai reserve lebih daripada US\$100 bilion.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung isu *internationalisation* atau pengantarabangsaan ringgit, Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan dan mengambil kira kesediaan negara untuk meliberalkan dasar yang berkaitan dengan pengantarabangsaan ringgit. Ini termasuk membuat penilaian risiko serta manfaat yang boleh diperolehi daripada setiap langkah liberalisasi yang diambil. Liberalisasi hanya akan dilaksanakan

sekiranya manfaat yang bakal diperoleh melebihi sebarang risiko yang mungkin dihadapi.

2. Antara faktor yang perlu diambil kira sebelum sebarang liberalisasi dilakukan ialah keutuhan ekonomi dan sistem kewangan negara, pengurusan ekonomi makro yang mantap dalam memastikan kestabilan kadar pertukaran mata wang dan kecukupan, kesaksamaan dan ketelusan pasaran pertukaran asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN  
OSMAN [ LIPIS ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**RUJUKAN : 1115**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes jenayah indeks  
membabitkan golongan belia pada tahun 2005, 2006, 2007 dan  
enam bulan pertama tahun 2008 mengikut daerah dan negeri.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lipis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jenayah indeks adalah bilangan kes-kes jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikansi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah indeks terbahagi kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik jenayah indeks pada tahun 2005, sebanyak 3,936 kes jenayah adalah melibatkan golongan belia. Jumlah ini adalah 1.96% daripada keseluruhan jumlah jenayah indeks keseluruhan pada tahun tersebut. Pada tahun 2006, jumlah jenayah indeks yang melibatkan golongan belia adalah 4,291 kes

iaitu 2.18% daripada keseluruhan jenayah indeks. Manakala bagi tahun 2007 pula, jenayah indeks mencatatkan sebanyak 5,102 kes yang melibatkan golongan belia iaitu 3.17%. Sehingga bulan Mei 2008, statistik menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam jenayah indeks adalah sebanyak 2,254 kes atau 2.06%. Daripada statistik ini dapat diperhatikan bahawa jumlah golongan belia yang terlibat dalam jenayah indeks adalah semakin meningkat setiap tahun.

Statistik jenayah indeks yang melibatkan belia mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

**JUMLAH KES JENAYAH INDEKS YANG MELIBATKAN  
GOLONGAN BELIA MENGIKUT NEGERI**

<b>KONTINJEN</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008 (Jan-Mei)</b>
PERLIS	59	63	96	40
KEDAH	431	433	496	215
PULAU PINANG	303	188	165	132
PERAK	336	363	471	156

<b>KONTINJEN</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008 (Jan-Mei)</b>
KUALA LUMPUR	251	333	494	172
SELANGOR	516	650	1,107	399
NEGERI SEMBILAN	177	314	242	103
MELAKA	125	111	96	71
JOHOR	248	283	321	221
PAHANG	196	240	249	108
TERENGGANU	345	286	273	111
KELANTAN	341	303	432	175
SABAH	286	332	312	148
SARAWAK	322	392	348	203
<b>JUMLAH</b>	<b>3,936</b>	<b>4,291</b>	<b>5,102</b>	<b>2,254</b>

Polis Diraja Malaysia pada masa ini tidak menyimpan statistik jenayah indeks yang melibatkan golongan belia mengikut daerah.

SOALAN NO: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**  
**[ KUALA LANGAT ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1116**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) tindakan Kementerian terhadap kemasukan pekerja-pekerja asing dan berapa jumlah keseluruhan pekerja-pekerja asing di dalam negara; dan

(b) sektor manakah pekerja-pekerja asing dibenarkan bekerja di dalam negara.

## **JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 8.7.2008**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jumlah keseluruhan pekerja asing di Malaysia sehingga kini adalah seramai 2,122,930 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara oleh Jabatan Imigresen.

Kerajaan telah mengambil tindakan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan melalui Jabatan dan Agensi yang berwajib seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja, Polis Diraja Malaysia dan RELA bagi memastikan kemasukan pekerja-pekerja asing ini adalah mematuhi undang-undang dan peraturan negara serta tidak disalahgunakan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan. Penguatkuasaan juga adalah untuk memastikan tiada penganiayaan dan penindasan dilakukan oleh majikan terhadap pekerja asing.

Bagi sektor-sektor pekerjaan yang dibenarkan penggajian pekerja asing, Kerajaan memberi kebenaran kepada majikan untuk menggaji pekerja asing di dalam enam sektor iaitu sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian dan pembantu

rumah. Walau bagaimanapun, kebenaran ini adalah sebagai pilihan terakhir kerana dasar Kerajaan menetapkan keutamaan penggajian adalah untuk pekerja tempatan manakala pekerja asing hanya boleh dipohon setelah majikan disahkan gagal mendapatkan pekerja tempatan.

No-88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Datuk Mat Sirat Abu [ Bukit Katil ]**

**TARIKH : 8 Julai 2008 ( Selasa )**

**SOALAN : 86**

**Datuk Mat Sirat Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Lapangan Terbang Batu Berendam yang sedang dalam proses pembesarannya akan dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa. Berapa banyakkah penerbangan antarabangsa dan dalam negeri akan menggunakan lapangan terbang tersebut.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Katil, pada masa ini Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka yang sedang berjalan adalah dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan April 2009. Dengan siapnya projek itu nanti, akan membolehkan lapangan terbang tersebut berupaya mengendalikan pesawat Boeing B737/Airbus A320. Namun begitu, Kementerian masih belum bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka sebagai sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa. Ini kerana, beberapa kriteria perlu dipenuhi terlebih dahulu untuk membolehkan sesebuah lapangan terbang di naik taraf sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa. Di antara kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Mempunyai Kaunter Perkhidmatan Kastam dan Imigresen;
- (ii) Mempunyai kemudahan Kuarantin;
- (iii) Mempunyai Ruang Menunggu untuk penumpang domestik dan antarabangsa yang berasingan;
- (iv) Mempunyai Balai Ketibaan dan Berlepas yang berasingan untuk domestik dan antarabangsa;
- (v) Mempunyai kemudahan pejabat-pejabat kerajaan yang berkaitan;
- (vi) mempunyai kemudahan perkhidmatan 24 jam bagi semua perkara yang dinyatakan di atas.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan melaksanakan dasar liberal terhadap penarikan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk beroperasi ke Melaka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini tidak ada syarikat penerbangan domestik berjadual yang beroperasi di lapangan terbang ini. Manakala penerbangan antarabangsa pula, hanya terdapat 1 syarikat penerbangan berjadual yang beroperasi, iaitu *Riau Airlines* yang mengadakan 1 penerbangan setiap hari dari Pekan Baru, Indonesia.

Mengenai bilangan penerbangan dan antarabangsa yang akan menggunakan lapangan terbang ini, ianya adalah bergantung kepada *commercial viability* lapangan terbang tersebut kepada syarikat-syarikat penerbangan.

**LAMPIRAN R**  
**SOALAN 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN : Minta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:-**

bilangan pelancong asing yang datang ke Sarawak dalam tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008 (sehingga 31-5-2008) dan pecahan dari negara manakah pelancong-pelancong tersebut datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan pelancong asing yang datang ke Sarawak dalam tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008 (sehingga 31-5-2008) adalah seperti jadual di bawah:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Ketibaan Pelancong ke Sarawak</b>	<b>% Pertumbuhan</b>
<b>2004</b>	705,042	-
<b>2005</b>	704,590	(-0.06)
<b>2006</b>	1,001,542	<b>42.15</b>
<b>2007</b>	1,373,239	<b>37.11</b>
<b>2007 (Jan-Mei)</b>	474,350	-
<b>2008 (Jan-Mei)</b>	515,410	8.66

Manakala bagi 10 pasaran teratas, adalah seperti berikut:

<b>Pasaran</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008 (Jan-Mei)</b>
Brunei	406,977	442,335	714,359	948,588	<b>320,209</b>
Indonesia	107,629	101,202	108,075	243,858	<b>96,755</b>
Philippines	15,463	40,823	41,543	26,684	<b>13,345</b>
Singapore	15,914	16,198	22,176	24,130	<b>11,482</b>
United Kingdom	7,161	8,468	10,627	12,140	<b>9,725</b>
China	5,302	4,724	7,791	11,484	<b>9,161</b>
Australia	6,370	5,948	6,935	9,037	<b>5,278</b>
Thailand	3,275	7,638	7,575	6,635	<b>5,109</b>
Japan	4,003	3,276	4,560	4,575	<b>2,672</b>
India	11,275	5,308	4,626	5,257	<b>2,585</b>

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan sentiasa mengatur pelbagai strategi bagi menarik lebih ramai pelancong luar negara ke Malaysia khususnya ke Sarawak. Antaranya adalah:

- a. Menganjurkan Misi Galakan dan Seminar Pelancongan, Promosi Makanan dan Kebudayaan (F&C) serta mengambil bahagian dalam pameran pelancongan antarabangsa;
- b. Meneruskan program lawatan suaikenal (Familiarization Trip) untuk pengusaha-pengusaha pelancongan, wakil media asing serta syarikat-syarikat perfileman bertujuan memberikan pendedahan serta pengalaman sebenar mengenai produk-produk pelancongan di Malaysia khususnya di Sarawak;
- c. Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara mempromosikan Malaysia khususnya negeri Sarawak menerusi kempen iklan taktikal;

- d. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing dan pengusaha pelancongan untuk menawarkan perkhidmatan sewa khas (charter flights) yang dapat menampung kekurangan penerbangan terus ke Sarawak. Buat masa ini Malaysia Airlines dan Air Asia menawarkan penerbangan setiap hari tanpa henti dari Kuala Lumpur ke Kuching. Terdapat juga syarikat penerbangan dari negara luar yang turut singgah di Kuching, seperti dari Singapura, Hong Kong dan Brunei Darussalam;
- e. Penerbitan serta pengedaran risalah-risalah pelancongan dalam pelbagai bahasa melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara serta agensi-agensi pelancongan di setiap pasaran bagi memberikan maklumat terkini berkenaan produk pelancongan serta aktiviti yang boleh dilakukan di Sarawak;
- f. Penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa di Sarawak seperti Rainforest World Music Festival, Sambutan Hari Gawai,

Miri International Jazz Festival dan Sarawak Regatta untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara berkenaan;

g. Kementerian melalui Tourism Malaysia juga sentiasa melaksanakan dan mempergiatkan usaha-usaha pengiklanan bagi negeri Sarawak sebagai destinasi pelancongan melalui program pengiklanan luaran, pengiklanan acara dan pengiklanan media cetak di dalam dan luar negara;

h. Memperkenalkan Sarawak sebagai destinasi M.I.C.E (Meeting, Incentives, Conventions & Exhibitions) dengan mendorong persatuan-persatuan antarabangsa dan syarikat-syarikat multinasional supaya menganjurkan program M.I.C.E di negara ini khususnya di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua;

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia terus berusaha untuk menjalankan program promosi yang lebih berkesan bagi

memastikan negeri Sarawak menjadi destinasi pelancongan di rantau ini.

SOALAN NO: ~~91~~ 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN  
BIN ALI [ GOMBAK ]

BERTARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN :

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]  
MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN  
APAKAH LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENAIK  
TARAF LEBUH RAYA MIDDLE RING ROAD 2  
(MRR2) DI JALAN SUSUR KELUAR PANDAN  
INDAH YANG MENJADI PUNCA KESESAKAN

LALU LINTAS DI SEPANJANG LEBUH RAYA  
BERKENAAN.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN YANG SERIUS MENGENAI MASALAH KESESAKAN DI KAWASAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT PANDAN INDAH TERSEBUT. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KEMENTERIAN SEDANG DALAM PERINGKAT MEREKABENTUK PROJEK MENAIKTARAF SISTEM LALULINTAS DI LOKASI TERSEBUT DI BAWAH TAJUK “PROJEK PENYURAIAN LALULINTAS DI PERSIMPANGAN BERTINGKAT PANDAN INDAH, MRR2 KUALA LUMPUR” YANG TELAH DILULUS UNTUK DILAKSANAKAN DALAM RMK-9. PADA MASA INI, STATUS PELAKSANAAN PROJEK TERSEBUT ADALAH DI DALAM PERINGKAT REKABENTUK**

**TERPERINCI DAN DIJANGKA AKAN DITENDER  
PADA OGOS 2008.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE  
(TENGGARA)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar perlu dilaksanakan dengan penuh iltizam untuk mencapai sasaran dan matlamatnya iaitu membasmi kemiskinan di dalam bandar :-

- (a) apakah mekanisme yang diwujudkan untuk melaksanakan dan menyelaraskan program PPKB ini; dan
- (b) adakah pemberian bantuan mengikut jumlah peruntukan atau mengikut keperluan sebenar.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang telah diluluskan program dan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Program-program Pembasmian Kemiskinan bandar dilaksanakan dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pegawai Penyelaras Program PPKB yang dilantik di peringkat PBT. Mesyuarat Penyelaras secara berkala dan pemantauan pelaksanaan akan dibuat oleh Kementerian mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Semua bantuan yang diberikan kepada keluarga miskin bandar adalah berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan bagi setiap bantuan dan bukannya mengikut keperluan sebenar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Julai 2008

**SOALAN NO: 90**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
[KEPONG]**

**TARIKH : SELASA, 8 JULAI 2008**

**RUJUKAN : 21**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan kakitangan DBKL, majlis-majlis tempatan di Labuan dan Putrajaya. Apakah mekanisme untuk memantau prestasi kerajaan tempatan di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya agar ia berbaloi dengan perbelanjaan seperti bajet DBKL sebanyak RM2.457 billion bagi 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai **kakitangan sebanyak 10,925 orang**, iaitu 8,899 menjawat jawatan tetap dan 2,026 menjawat jawatan kontrak. Perbadanan Labuan yang menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan pula mempunyai **612 orang kakitangan**, iaitu 434 menjawat jawatan tetap, 54 kontrak dan 124 yang lain sebagai penjawat-penjawat sementara/sambilan. Manakala Perbadanan Putrajaya selaku Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai **seramai 809 orang kakitangan**.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan bajet bagi tahun 2008, DBKL mempunyai **peruntukan berjumlah RM2,457,388,850**, iaitu **peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1,255,603,800** dan **perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 1,201,785,050**.

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisma untuk memantau prestasi Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

1. Pemantauan Projek/Belanjawan Pembangunan

Mewujudkan Jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai jabatan pelaksana dan jabatan yang terlibat dengan pembangunan di wilayah persekutuan berkenaan. Jawatankuasa ini berfungsi memantau prestasi pelaksanaan serta perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan DBKL melalui mesyuarat-mesyuarat berkala yang diadakan dan lawatan-lawatan ke tapak projek dari masa ke semasa.

2. Pemantauan Prestasi Kewangan

Bagi maksud ini, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun DBKL diadakan secara berkala. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah DBKL dan melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Kementerian Wilayah Persekutuan setiap 3 bulan sekali. Fungsi kedua-dua jawatankuasa tersebut adalah memantau pengurusan kewangan secara keseluruhan.

### 3. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam DBKL merupakan satu unit khusus yang menjalankan pemeriksaan audit terhadap sistem dan prosedur pengurusan kewangan DBKL. Ianya berperanan mencegah dan membetulkan kesilapan-kesilapan dalam pengurusan kewangan melalui teguran dan nasihat.

### 4. Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara mempunyai pejabat cawangan di bangunan DBKL. Jabatan ini juga berperanan memantau sistem dan prosedur pengurusan kewangan DBKL. Kerja-kerja pengauditan dijalankan oleh kakitangan Jabatan Audit Negara sendiri. Selain dari itu, Jabatan Audit Negara juga melantik Juruaudit Swasta untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan kewangan dan perakaunan DBKL bagi pihaknya. Laporan pemeriksaan audit oleh Jabatan Audit Negara akan dimasukkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, manakala laporan kewangan yang telah diaudit merupakan satu elemen utama dalam Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang akan dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri dan Parlimen.

## 5. Pengurusan Dan Pembangunan Modal Insan

5.1 Unit Integriti DBKL yang ditubuhkan pada Mac 2008 bertanggungjawab di dalam usaha-usaha penambahbaikan dan pemantauan integriti di dalam organisasi melalui:

5.1.1 Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP); dan

5.1.2 Pasukan Petugas Menangani Karenah Birokrasi (PPMKB).

5.2 DBKL mempunyai Bahagian Khas untuk melatih kakitangan bagi melahirkan tenaga kerja yang berilmu, cekap dan mempunyai etika kerja yang positif serta latihan yang berterusan.

5.3 Beberapa program yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan perbandaran di kalangan tenaga kerja seperti berikut:

5.3.1 Sistem Penggredan PBT (Star Rating);

5.3.2 Program Pembangunan Kecemerlangan Organisasi ; dan

5.3.3 Pengurusan Sumber Manusia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dan tindak balas ke atas rakyat berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membendung kesan inflasi dan kenaikan harga barang dan perkhidmatan baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa rakyat telah merasai kesan berikutan kenaikan harga barang-barang keperluan. Umpamanya, bagi bulan Mei 2008, indeks harga pengguna (IHP) yang juga boleh digunakan untuk mengukur kos hidup rakyat meningkat sebanyak 3.8%. Kadar inflasi dijangka meningkat melebihi 7% dalam bulan Jun 2008 berikutan kesan penstrukturan semula minyak yang berkuatkuasa pada 5 Jun 2008. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar inflasi akan hanya berlaku dalam tempoh jangka pendek dan dijangka kembali stabil dalam jangka sederhana. Namun begitu, paras harga minyak dunia terus meningkat mencapai AS\$145.29 setong pada 3 Julai 2008.

Kenaikan harga yang berlaku di negara kita tidaklah seburuk sepertimana yang berlaku di negara lain. Di kebanyakan negara, bukan sahaja berlaku inflasi yang tinggi malah bekalan terutama bahan makanan hampir kehabisan, berlaku demonstrasi, rusuhan dan kebuluran tetapi keadaan seperti ini tidak berlaku di negara kita. Bekalan masih mencukupi cuma harga adalah lebih tinggi.

Tindak balas rakyat berikutan kenaikan harga barang-barang masih terkawal. Rakyat masih faham perkara ini adalah isu global yang berlaku bukan sahaja di Malaysia. Sebagai balasan ke atas rakyat, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah supaya kesusahan terus dapat dibendung dan kebajikan rakyat terjaga. Antara langkah tersebut termasuklah rebat tunai kepada pemilik kenderaan, pembayaran tunai dan insentif tambahan berdasarkan hasil tangkapan kepada pemilik dan awak-awak yang memiliki bot, pengendalian tarif elektrik bagi isirumah yang menggunakan sehingga 200 kwh, pengendalian subsidi untuk pengangkutan awam, peningkatan jaringan keselamatan sosial kepada golongan yang miskin dan memerlukan, orang kurang upaya, masyarakat Orang Asli dan golongan minoriti di Sabah dan Sarawak serta langkah-langkah lain yang akan diumumkan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kemampuan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tekanan harga, penstrukturan semula subsidi dan liberalisasi harga barangan memberi kesan kepada rakyat dalam jangka pendek. Namun, dalam jangka panjang, ianya akan mendatangkan manfaat yang lebih besar kepada negara dan rakyat. Industri akan menjadi lebih berdaya saing dan kompetitif. Penggunaan sumber juga menjadi lebih produktif, pembaziran tidak

berlaku dan pemberian subsidi disasarkan kepada golongan yang lebih berhak menerimanya. Selain daripada itu, usaha untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam terus diberi perhatian oleh Kerajaan dalam menangani masalah kenaikan harga dalam sektor perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**  
**TARIKH : 8 JULAI 2008**  
**RUJUKAN : 1117**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) bilangan kes tahanan ISA yang telah dipertimbangkan semula oleh Lembaga Penasihat ISA dalam tahun 2006 dan 2007 ; dan

Syor Lembaga Pelawat terhadap kes-kes tersebut dan bilangan kes di mana Kerajaan tidak mengikut nasihat lembaga.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 12 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (AKDN), bilangan kes tahanan AKDN yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat untuk pertimbangan semula pada tahun 2006 adalah sebanyak 18 kes dan pada tahun 2007 adalah sebanyak 16 kes. Keseluruhannya, syor Lembaga Penasihat terhadap kes-kes tersebut adalah Perintah Tahanan diteruskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

TARIKH: 8 JULAI 2008

SOALAN:

**Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN** [ Sepanggar ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan penjawat pengurusan, sokongan dan buruh mengikut suku kaum di setiap negeri. Apakah rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat 30% kaum wanita dalam semua bidang jawatan serta jumlah peratus penduduk yang masih menganggur.

PR-1212-L12982

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menyediakan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan (*National Employment Returns (NER)*) yang dijalankan pada tahun 2007. Kajian ini melibatkan 337,473 majikan dan 3,572,440 pekerja dimana 58.3% daripada pekerja tersebut merupakan lelaki. Bilangan pekerja mengikut bangsa dan pekerjaan adalah seperti berikut:-

## Bilangan Pekerja Mengikut Bangsa, Jantina dan Jenis Pekerjaan

Bangsa	Pegawai Kanan & Pengurus	Profesional	Juruteknik & Profesional Bersekutu	Pekerja Perkeranian	Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai & Jurujual	Pekerja Asas
Melayu	128,728	50,843	86,029	191,283	217,767	171,003
Cina	152,175	66,619	57,195	138,020	167,932	40,315
India	20,976	8,613	12,578	33,217	25,572	31,771
Bajau	77	76	148	578	3,299	1,684
Munt	20	11	41	226	1,025	3,780
Melanau	133	138	484	849	1,337	7,252
Iban	503	761	2,836	4,191	7,880	18,249
Bidayuh	166	311	757	1,060	2,553	3,256
Kadazan	16,143	371	841	2,479	4,712	2,986
Bumiputera Lain	5,521	2,669	22,266	12,220	14,300	24,794
<b>Jumlah</b>	<b>324,442</b>	<b>130,412</b>	<b>183,175</b>	<b>384,123</b>	<b>446,377</b>	<b>305,090</b>

\* Sumber berdasarkan NER 2008

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai rancangan Kerajaan untuk mencapai 30% kaum wanita dalam semua bidang jawatan, KSM sentiasa memberi galakan pengambilan kaum wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan, walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan kerjasama daripada majikan dan tertakluk kepada keperluan pasaran pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran yang dilaporkan pada tahun 2007 adalah 3.2% atau seramai 351,400 penganggur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]**

**TARIKH : 8 Julai 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kali terakhir Akta Pembangunan Petrolèum 1975 dipinda dan apakah tujuan ianya pernah dipinda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali terakhir Akta Kemajuan Petroleum, 1974 dipinda adalah pada tahun 1993 sebagai Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1993 [Akta A842]. Di bawah Akta A842 ini, pindaan telah dibuat ke atas Seksyen 6 Akta Kemajuan Petroleum 1974 bagi mengelakkan pertindihan di antara Akta ini dan Akta Bekalan Gas 1993.

Di bawah Akta Bekalan Gas 1993, kuasa diberi kepada Perdana Menteri untuk memberi lesen kepada pembekal gas untuk menyalurkan gas kepada pengguna-pengguna melalui saluran paip (*pipeline*). Kuasa yang sama juga terdapat di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974, di bawah peruntukan bagi aktiviti-aktiviti pemasaran dan pengedaran petroleum.

Oleh itu, untuk mengelakkan keadaan yang mana pihak yang ingin membekalkan gas perlu memohon kebenaran dan lesen di bawah dua perundangan yang berbeza, maka peruntukan baru dimasukkan di bawah Seksyen 6 Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Di bawah peruntukan baru tersebut, pihak yang dilesenkan di bawah Akta Bekalan Gas 1993 untuk membekalkan gas kepada pengguna-pengguna melalui *pipeline* tidak perlu mendapat kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.

**SOALAN NO. 95**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HING (SARIKEI)**

**TARIKH : 8 JULAI 2008 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Ding Kuong Hing (Sarikei) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah subsidi sebulan yang diberikan untuk membantu keluarga kurang mampu dan orang kurang upaya (OKU) di Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung. Di Sarikei, OKU hanya menerima subsidi RM70 sebulan dan tidak mampu untuk menyara kehidupan berdasarkan kecacatan seluruh badan. Adakah Kementerian menambah peruntukan subsidi di Sarawak.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kadar semua skim bantuan kebajikan termasuk bantuan kepada OKU antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia adalah berbeza. Walau bagaimanapun mulai 1 Januari 2009, kadar semua bantuan kebajikan di Sarawak diseragamkan dengan Semenanjung Malaysia dan kosnya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan setelah Kerajaan Negeri Sarawak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Jun 2008 memutuskan untuk menerimapakai skim-skim bantuan bulanan Persekutuan.